ڤليتا بروني
Pelita BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"KITA membangun untuk kemakmuran dan dalam masa yang sama juga, kita membina keyakinan diri untuk menjadi hamba yang taat dan rajin beribadat."
- Titah Sempena Tahun Baru Hijriah 1430 / 2009 Masihi pada 1 Muharam 1430 / 28 Disember 2008.

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama masuk Islam di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah reda kepada mereka dan mereka pun reda kepada Allah. Allah menyediakan bagi mereka Syurga-Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang agung." - (Surah At Taubah, ayat 100).

TAHUN 56 / BILANGAN 143 | 28 NOVEMBER 2011 / 1433 محرم 2 | EDISI ISNIN / PERCUMA

سلامت مپمبوت اول تاهون بارو هجرة 1433
Selamat Menyambut Awal Tahun Baru Hijriah 1433

# Syukuri rahmat Allah ke atas bumi Brunei

Oleh :
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Ahmad Haji Salim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 26 November. - Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di dalamnya khasnya sepanjang tahun 1432 membawa ke tahun 1433 telah menerima limpah rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dan rahmat ini menyeluruh kepada kalangan individu, mahu pun kalangan keluarga.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, di negara ini, Allah telah menyelisihkan rakyat dan penduduknya daripada perkara-perkara yang tidak diingini berbanding di tempat lain yang dilanda oleh banyak cerita sedih.

Baginda penuh percaya tidak siapa yang mahu kepada perkara-perkara yang menakutkan yang tidak diingini seperti bencana-bencana alam, wabak-wabak dan huru-hara.

Ke muka 24



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Ugama kepada Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned. - Foto: Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin. *(Lagi berita dan gambar-gambar ke muka 3, 12 & 13).***

# Berazam jadikan Brunei Negara Zikir

Oleh : Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Ahmad Haji Salim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 26 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menguatkan azam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam benar-benar menjadi sebuah Negara Zikir yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaiannya.

Dalam titah sempena menyambut Awal Tahun Baru Hijriah 1433 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei, baginda turut menekankan kepentingan menghormati jiran, di samping ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat ini.

"Beta melihat, dari kesan-kesan zikir, doa dan amal salih yang telah dan sedang rancak berjalan di negara ini, maka Allah Subhanahu Wata'ala telah mencurahkan rahmat-Nya yang melimpah-limpah kepada kita, sehingga apa yang kita dan negara ini nikmati sukar untuk diraih oleh orang lain," titah baginda melahirkan rasa syukur.

Sebagai seorang pemimpin yang kasihkan negara dan rakyat, baginda memanjatkan doa semoga Brunei tetap selamat dan maju serta beroleh pemeliharaan Allah, di samping mendapat pertolongan dan perlindungan daripada segala macam bencana dan anasir yang tidak diingini.

Sempena Tahun Baru Hijriah 1433 ini, baginda berserta keluarga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baru 1433 Hijriah kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada dan mengharapkan agar menjalani tahun baru ini dengan azam baru, dihiasi dengan amal takwa dalam mencapai kejayaan dan kebahagiaan.

# Perundangan Kesihatan Mental diteliti

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 26 November. - Kementerian Kesihatan pada masa ini sedang membuat penelitian dan pengemaskinian ke arah cadangan untuk membentuk undang-undang yang lebih sesuai dan relevan mengikut perubahan masa dan persekitaran serta perkembangan penjagaan kesihatan mental.

Pembaharuan kepada perundangan mengenai kesihatan mental ini antara lain dihasratkan memberikan perlindungan dan hak rawatan serta penjagaan kesihatan dan juga kesejahteraan kepada mereka yang menghidap penyakit dan gangguan mental.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menjelaskan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Forum Hari Kesihatan Mental Sedunia 2011 di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepoint Gadong.

Yang Berhormat berkata, walaupun belum ada kajian khusus yang dijalankan menentukan kekerapan penyakit mental dalam masyarakat di Negara Brunei Darussalam, namun perangkaan jumlah kes penyakit dan gangguan mental adalah meningkat dari setahun ke setahun.

"Ini dapat dilihat dari statistik jumlah keseluruhan kes-kes baru dan rawatan susulan di Bahagian Pesakit Luar di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang mana pada tahun 2002 mencatatkan jumlah 3,889 dan pada tahun 2010 jumlah ini meningkat kepada 6,082 kes.

Ke muka 24


DI DALAM



Muka 4
RIADAH Hijrah sempena Awal Tahun 1433H



Muka 6
PENUNTUT SUAMPRIPAD Khatam Al-Qur'an

# Brunei Darussalam bertuah dirahmati Allah

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

BERSEMPENA menjelang Tahun Baru Hijriah 1433, kita tidak lupa merafakkan syukur dan pujian yang sebanyak-banyaknya kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya yang tidak putus-putus kepada kita, khasnya bagi sepanjang tahun 1432 membawa kepada tahun 1433 ini.

Rahmat Allah ini menyeluruh kepada semua kalangan di antara kita, sama ada kalangan individu, mahupun kalangan keluarga dan malah negara.

Di tempat lain terlalu banyak cerita sedih, tetapi di negara ini alhamdulillah, Allah telah menyelisihkan kita dari perkara-perkara yang tidak diingini.

Tidak siapa mahu kepada perkara-perkara yang menakutkan yang tidak diingini itu, seperti bencana-bencana alam, wabak-wabak dan huru-hara. Tetapi apabila ia datang, tidak siapa pun yang dapat mengelaknya.

Semaju atau sekuat manapun orang tidak akan mampu untuk menolak ketentuan Allah. Bencana-kah, atau wabakkah, atau krisis-krisis dalam negara adalah semua itu dari ketentuan Allah jua.

Pada hemat beta, tidaklah berlaku sesuatu itu melainkan ada dengan sebab-sebabnya, termasuklah segala fenomena kejadian di muka bumi ini, ia tidak berlaku dengan sendirinya, sebagaimana yang disangkakan oleh setengah pihak.

Ia berlaku dengan kehendak Allah jua, supaya timbul rasa insaf di hati manusia dan dengan segera akan bertaubat kepada-Nya. Inilah dia hikmah di sebalik kejadian - kejadian pahit tersebut.

Kalaulah kita mahu untuk mengambil pengajaran daripadanya, nescaya ada harapan untuk kita akan selamat daripada sebarang mala petaka, berdasarkan Allah itu sangatlah menyayangi para hamba-Nya yang taat dan membenci mereka yang derhaka.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Hijriah 1433.

***AZAM beta adalah semakin kuat, untuk menjadikan Brunei Darussalam ini benar-benar sebuah 'Negara Zikir' yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaiannya, di samping juga pandai menghormati jiran dan ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat ini.***

Perkara ini, rasa-rasanya telah pun menjadi kenyataan kepada kita di bumi yang bertuah ini, Negara Brunei Darussalam, di mana dengan kurnia Allah jua, kita telah dan sedang menikmati keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berpanjangan, yang tidak dinikmati oleh orang lain.

Kerana itu, azam beta adalah semakin kuat, untuk menjadikan Brunei Darussalam ini benar-benar sebuah 'Negara Zikir' yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaiannya, di samping juga pandai menghormati jiran dan ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat ini.

Beta melihat, dari kesan-kesan zikir, doa dan amal salih yang telah dan sedang rancak berjalan di negara ini, makanya Allah Subhanahu Wata'ala telah mencurahkan rahmat-Nya yang melimpah-limpah kepada kita, sehingga apa yang kita dan negara ini nikmati, sukar untuk diraih oleh orang lain.

Beta berdoa semoga Brunei tetap selamat dan maju, beroleh pemeliharaan Allah di dalamnya, mendapat pertolongan dan perlindungan dari segala macam bencana dan anasir yang tidak diingini.

Akhirnya, beta dan keluarga beta mengucapkan Selamat Tahun Baru 1433 Hijriah kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada. Jalanilah Tahun Baru ini dengan azam baru dan hiasilah ia dengan amal takwa, insya-Allah, kejayaan dan kebahagiaan akan menunggu kita.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.




## Dari Sidang Pengarang.

28 NOVEMBER 2011 BERSAMAAN 1433 محرم 2

### SYUKURI NIKMAT ALLAH UNTUK KESEJAHTERAAN NEGARA

ALHAMDULILLAH kita sangat bersyukur kerana berpeluang berada pada Awal Tahun Baru Hijriah 1433. Sepanjang tahun Hijriah 1432 telah banyak peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara ini dan juga di seluruh dunia dengan pelbagai peristiwa dan kenangan. Terlalu banyak berita gembira dan juga duka yang kitani terima dan semua ini berlaku pada tahun Hijriah 1432. Semua ini dapat kitani jadikan sempadan dalam mengharungi Tahun Baru Hijriah 1433 ini. Berbekalkan keimanan, ketakwaan dan muhasabah diri seharusnya akan dapat mengukuhkan jati diri kitani sebagai seorang Muslim yang sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala.

Rahmat dan nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah kita kecapi selama ini seharusnya menjadi sukat-sukat kitani dalam menjalani kehidupan ini. Sebagai umat Islam kitani seharusnya bersyukur dan menghayati apa sebenarnya erti hijrah itu. Kitani sepatutnya mengikut contoh nabi kitani, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam melawan segala cabaran dan musuh-musuh baginda dalam mempertahankan agama Islam. Hijrah baginda membawa suatu pengorbanan yang besar dan sikap inilah yang perlu ada pada diri setiap umat Islam masa kini. Semua ini perlu dijadikan contoh tauladan untuk kitani.

Apa yang sering kita lihat budaya sekarang ialah sikap mengabaikan perintah Allah dan umat Islam banyak yang hanyut dengan cara hidup begini. Era kemodenan yang bercanggah dengan nilai-nilai keislaman kini mula menguasai dan bagi yang lemah imannya sudah tentu akan terikut-ikut. Ini merupakan suatu kesilapan besar dan perlu dihindari kerana sikap sebeginilah yang menyebabkan banyak umat Islam ditimpa bencana.

Tahun Hijriah 1432 mencatatkan banyak bencana alam dan kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti gempa bumi dan Tsunami yang berlaku di Jepun dengan gegaran skala 8.9 'magnitude' dan ketinggian ombak Tsunami setinggi sepuluh meter (33 kaki) sehingga mengorbankan lebih 1,000 orang merupakan bencana yang paling dahsyat pada tahun hijriah ini. Begitu juga dengan banjir yang berlaku di Thailand dan juga di Kemboja baru-baru ini yang mengorbankan lebih daripada 500 orang adalah suatu bencana yang di luar dugaan kita. Krisis kebuluran dan kelaparan di negara-negara Afrika khususnya yang dihadapi oleh rakyat Somalia juga merupakan bencana terburuk dalam sejarah negeri tersebut. Berpuluh-puluh ribu rakyat terutamanya kanak-kanak di bawah umur lima tahun diancam kebuluran.

Semua ini menunjukkan betapa Allah Subhanahu Wata'ala itu maha berkuasa dan sesungguhnya Dia menjadikan sesuatu perkara itu ada sebab musababnya. Kita sebagai umat Islam seharusnya menghargai dan bersyukur kerana rahmat Allah sentiasa bersama kitani dengan anugerah kedamaian, keamanan dan kesejahteraan daripada sebarang bencana dan peperangan.

Jika kitani lihat akan nasib saudara-saudara Islam kitani yang berteduh di bumi Palestin, seharusnya doa kesyukuran kitani panjatkan kerana perkara tersebut tidak berlaku di negara kitani. Sikap kejam Yahudi terhadap umat Islam di Gaza, Palestin seharusnya menjadi benteng kepada kitani dalam mempertahankan agama dan negara yang kitani cintai ini. Jika kitani amat-amati semua peristiwa yang berlaku ini, kitani sedar ada hikmah di sebaliknya kerana Allah tidak menjadikan suatu perkara itu tanpa ada sebab-sebabnya.

Keazaman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara kitani sebagai sebuah Negara Zikir perlu kitani tanai dan junjung. Sebagai seorang raja yang berpaksikan agama Islam, mengamalkan keluhuran undang-undang Islam dengan akhlak mulia adalah perlu dalam kitani sama-sama berusaha untuk mendapat rahmat daripada Allah jua. Apa-apa jua yang kitani lakukan sama ada dari segi pembangunan dan sosial hendaklah berlandaskan pada jalan Allah semata-mata.

Zikir, doa dan segala amal salih yang kitani lakukan akan menjadikan negara kitani unggul dan cemerlang serta dijauhi daripada segala bencana. Dan jika sudah kitani mengamalkannya dengan sepenuh hati dengan roh kitani, nescaya perubahan ini akan membawa kesejahteraan, kestabilan dan kemakmuran. Inilah sebenarnya hijrah yang kitani mahukan dengan kejayaan yang sangat bererti bagi 'survival' umat Islam di negara ini. Sempena tahun Hijriah 1433 ini, marilah kitani sama-sama bertakwa dan beriman kepada Allah dan mensyukuri nikmat yang diberikanNya. Jadikanlah peristiwa Hijrah yang lepas sebagai pedoman dalam kitani melayari kehidupan pada masa ini, semoga rahmat Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memayungi kita dan negara yang kita cintai ini. -**Pengarang.**

SIDANG PENGARANG

**Pemberitaan/Rencana**
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Ariffin

**Ketua Penyuntingan**
Azman Haji Abdul Rahim,
Hajah Rosidah Haji Ismail

**Penyelaras dan Reka Letak**
Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

**Penyemakan**
Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Majdiah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

**Penyuntingan**
Haji Ahat Haji Ismail,
Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

**Pereka Letak**
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Rudiana Mohd. Salleh,
Muhd. Zaidani Haji Zinin,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | JKR | ELEKTRIK | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 140 | 144 | 2380214 |

# Empat tokoh terima Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 26 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan penganugerahan Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah kepada empat orang penerima sempena Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Baginda mula-mula berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Ugama kepada Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned.

Penerima anugerah tersebut merupakan anak Brunei yang pertama memegang jawatan Mufti Kerajaan yang telah berkecimpung sepenuhnya dalam bidang agama sejak awal perkhidmatannya dalam kerajaan.

Yang Berhormat juga memang cukup terkenal sebagai agamawan, negarawan, ilmuwan dan sasterawan yang telah banyak memberi sumbangan khususnya di dalam penyebaran pengetahuan agama Islam dan hukum syarak dalam kalangan masyarakat.

Ilmu dan kepakaran dimiliki Yang Berhormat mendapat pengiktirafan dari institusi-institusi dalam dan luar negara seperti penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2007, Anugerah The South Sea Write Award di Thailand pada tahun 2000, Anugerah ASEAN Cultural Award on Literary Works pada tahun 2003 dan terbaru ialah Anugerah Penulisan Islam dari Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Jasa, sumbangan dan khidmat bakti tokoh yang cemerlang ini kepada agama, raja dan negara juga turut mendapat pengiktirafan negara iaitu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyampiri beberapa gelaran Manteri Ugama dan gelaran tertinggi Manteri Ugama sebagai Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja.

Seterusnya baginda juga berkenan menyempurnakan penganugerahan Anugerah Bakti Hijrah kepada tiga penerima anugerah iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Yussof, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan Datu Maharaja Setia Haji Mohd. Simpok bin Datu Maharaja Setia Dian.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain berkenan mengabdikan gambar kenangan bersama empat orang penerima Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah sempena Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah.**

**Oleh : Abdullah Asgar, Ak. Jefferi Pg. Duraman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

Penerima pertama Anugerah Bakti Hijrah, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Yussof yang kini berusia 78 tahun telah memulakan perkhidmatannya dengan Kebawah DYMM dari tahun 1951.

Yang Amat Mulia yang telah berkhidmat selama 60 tahun telah memberi sumbangan yang besar dalam memupuk dan menyemai semangat kebangsaan yang berteraskan ajaran Islam dan bersendikan calak Brunei.

Kepakaran penerima dalam bidang Adat Istiadat Diraja Brunei dan Adat Kebruneian bukan setakat untuk diri sendiri malahan penerima itu juga bertanggungjawab dalam memperkenalkan dan mengajarkannya kepada masyarakat.

Penerima ketiga pula ialah Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dalam usianya hampir 79 tahun itu masih menjawat jawatan Penghulu Mukim Sukang di Daerah Belait.

Keanggotaan dan keahliannya dalam pelbagai organisasi kerajaan dan swasta menunjukkan bahawa beliau seorang yang mudah didekati oleh masyarakat, terbuka, berfikiran jauh, berpengalaman, mempunyai pandangan dan idea yang praktikal serta titih dan lutanan dalam melaksanakan apa juga kegiatan.

Sementara Datu Maharaja Setia Haji Mohd. Simpok bin Datu Maharaja Setia Dian adalah penerima terakhir Anugerah Bakti Hijrah dan sebelum ini memulakan perkhidmatannya sebagai Penghulu Mukim pada tahun 1982.

Antara kejayaan terbesar yang dicapai oleh beliau ialah beliau telah menarik sehingga 95 peratus puak Punan di mukimnya untuk menerima ajaran Islam, menghantar anak-anak mereka pergi ke sekolah sehingga ke peringkat menengah dan mendidik mereka mengamalkan cara hidup yang berdaya maju dan bermasyarakat seperti bercucuk tanam, berpadi dan berjual beli.

Pada Sambutan Awal Tahun Hijriah tahun ini, penerima Anugerah Tokoh Ugama menerima wang tunai sebanyak BND20,000 dan para penerima Anugerah Bakti Hijrah pula menerima wang tunai sebanyak BND10,000. Mereka masing-masing juga menerima Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Pemilihan Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah adalah berdasarkan kepada sumbangan jasa dan khidmat bakti yang sangat cemerlang penerima-penerima berkenaan dalam perkembangan syiar Islam dan juga pembangunan ummah di negara ini, di samping memiliki peribadi akhlak Islam, sikap dan wibawa seorang muslim yang boleh menjadi contoh dan ikutan masyarakat lainnya.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Bakti Hijrah bagi Tahun 1433 Hijrah kepada penerima, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Yusof dalam Majlis Sambutan Awal Tahun 1433 Hijrah Peringkat Negara.**



**KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Anugerah Bakti Hijrah bagi Tahun 1433 Hijrah kepada penerima, Yang Mulia Datu Maharaja Setia Haji Mohd. Simpok bin Datu Maharaja Setia Dian.**



**KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Anugerah Bakti Hijrah bagi Tahun 1433 Hijrah kepada penerima, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.**

# Riadah Hijrah sempena Awal Tahun 1433H

## DAERAH BRUNEI DAN MUARA

**Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**BERAKAS**, Ahad, 27 November. - Dalam menyemarakkan Awal Tahun 1433 Hijriah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Riadah (Walkaton) Hijrah yang bermula dari masjid Kampung Lambak Kanan menuju ke Masjid Rancangan Perpindahan Negara Lambak Kanan.

Hadir menyertai walkton tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman.

Atur cara walkaton dimulai dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diikuti dengan Kuliah Subuh serta senam robik beramai-ramai.

Seperti juga di daerah-daerah lain riadah tersebut bertujuan untuk menanamkan semangat bekerjasama dan saling membantu kepada mereka yang memerlukan bantuan termasuk anak-anak yatim, di samping menghidupkan suasana masjid dengan kegiatan-kegiatan takmir masjid.

Acara tersebut turut disertai oleh pegawai-pegawai beruniform, ahli-ahli takmir masjid dan para jemaah masjid.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman mengetuai Riadah Hijrah sempena Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah / 2011 Masihi.



YANG Berhormat beserta pegawai-pegawai beruniform, ahli-ahli takmir masjid dan para jemaah masjid ketika mengikuti senam robik.

## DAERAH TEMBURONG

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**
**Foto : Nurhidayah Haji Kamis**

**TEMBURONG**, Ahad, 27 November. - Rakyat dan penduduk beragama Islam di daerah ini tidak ketinggalan dalam sama-sama meraikan kedatangan Awal Tahun 1433 Hijriah dengan mengadakan Riadah Hijrah (Walkaton Hijrah).

Aktiviti riadah berjalan kaki sejauh empat kilometer yang bermula dari Masjid Kampung Puni menuju ke Masjid Utama Mohammad Salleh, di Pekan Bangar itu diketuai oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman.

Juga menyertai aktiviti yang menjurus kepada gaya hidup sihat itu ialah para pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Hal Ehwal Ugama, para pegawai dan kakitangan kerajaan, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan orang perseorangan.

Selain bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah, acara riadah seumpamanya juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan sesama Muslim dan Muslimah.

Dengan adanya aktiviti riadah seperti itu diharap akan dapat menanamkan semangat bekerjasama dan membantu anak-anak yatim serta menghidupkan suasana takmir masjid dengan kegiatan-kegiatan takmir selain menanamkan semangat bagi mengamalkan cara hidup sihat dengan melakukan kegiatan fizikal.

Terdahulu jemaah yang menyertai walkaton juga menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diselajurkan dengan mendengar Kuliah Subuh.

Hasil kutipan derma melalui riadah tersebut disalurkan kepada Tabung Anak-anak Yatim dan Tabung Aktiviti Takmir Masjid, yang disempurnakan oleh Awang Haji Haris bin Othman.





PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman menyertai acara riadah dimulakan dari Masjid Kampung Puni ke Masjid Utama Mohd. Salleh. (kanan atas) Manakala gambar kanan, peserta mengadakan acara bersenam memulakan acara Riadah Hijrah.

# Riadah Hijrah sempena Awal Tahun 1433H





## DAERAH BELAIT

**Berita dan Foto:**
**Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

**KUALA BELAIT**, Ahad, 27 November. - Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Belait menerima BND357 daripada kutipan sumbangan derma riadah hijrah sempena Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah bagi Daerah Belait yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Ahmad bin Haji Mohin kepada Pemangku Pegawai Dearah Belait, Pg. Mohammad Jeffrynul Hafli bin Pg. Haji Ali.

Riadah Hijrah dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid dan Masjid RPN Kampong Pandan merupakan salah satu acara sampingan Sambutan Awal Tahun Hijriah yang disambut setiap tahun bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan awal tahun hijrah, di samping menanamkan semangat bekerjasama dan saling bantu membantu terhadap masyarakat yang susah.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menghidupkan suasana masjid dengan kegiatan-kegiatan takmir masjid dan juga menanamkan semangat supaya mengamalkan cara hidup sihat.

Beriadah dengan berjalan kaki bermula dari Masjid RPN Kampung Pandan mengelilingi Kampung Pandan 7 dan kembali semula ke masjid sejauh tiga kilometer diketuai oleh tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Turut menyertai acara tersebut warga jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, penghulu dan ketua-ketua kampung dan orang ramai termasuk jemaah masjid. Sebelum itu, mereka terlebih dahulu menunaikan Solat Subuh Berjemaah dan diikuti Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Imam Md. Zulhelmi bin Md. Jefri.

Sebelum memulakan perjalanan, tetamu kehormat dan para peserta terlebih dahulu mengikuti acara pemanasan badan dengan melakukan senaman ringan.

Antara yang menyertai acara tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Mumong, Awang Haji Md. Yusof bin Haji Dulamin.

**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Pg. Mohammad Jeffrynul Hafli bin Pg. Haji Ali mengetuai Riadah Hijrah dengan berjalan kaki bermula dan berakhir di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan (kiri atas).**

**KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Ahmad bin Haji Mohin menyampaikan sumbangan derma hasil daripada kutipan Riadah Hijrah kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait untuk Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Belait (kiri).**

## DAERAH TUTONG

**Oleh : Rohani Haji Abd. Hamid**
**Foto : Hernie Sulaina Haji Othman**

**TELISAI**, Ahad, 27 November. - Seperti juga di daerah-daerah lain di negara ini, Daerah Tutong tidak ketinggalan untuk sama-sama menyambut kedatangan Awal Tahun 1433 Hijriah dengan Riadah (walkaton) Hijrah.

Bagi daerah ini, walkaton bermula dari Masjid Kampung Danau menuju ke Masjid Kampung Telisai Tutong.

Acara walkaton Hijrah dimulai dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Tanjong Maya Tutong, Awang Haji Abdul Nuin bin Hassan.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyertai Riadah Hijrah ini ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Sebelum memulakan walkaton, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa oleh Imam Masjid berkenaan, Awang Mohd. Yusof bin Haji Mahmud diikuti dengan Pelancaran Tabung Anak-Anak Yatim dan Aktiviti Takmir Masjid-Masjid, Surau dan Balai Ibadat Daerah Tutong.

Walkaton juga didahului oleh senaman ringan yang diketuai oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan cawangan Daerah Tutong.

Riadah Hijrah turut disemarakkan dengan acara-acara sampingan termasuk Peraduan Mewarna dan Peraduan Tulisan Jawi bagi kanak-kanak, cabutan istimewa serta penyampaian hadiah bagi acara sampingan tersebut.



**KETUA Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Miramit bin Haji Damit menyerahkan wang kutipan kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu selaku Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Tutong.**



**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong bersama peserta-peserta yang mengikuti Riadah Hijrah 1433 dari Masjid Kampung Danau menuju Masjid Kampung Telisai.**

# Kos menunaikan haji meningkat

Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Kos menunaikan fardu haji semakin meningkat disebabkan perkembangan pesat sektor hartanah di Kota Mekah dan Madinah.

Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman ketika berucap demikian berkata peningkatan tersebut disebabkan permintaan yang tinggi dan menjadi penyumbang utama kepada kenaikan kos dari setahun ke setahun.

Pengarah Urusan TAIB menjelaskan perkembangan tersebut semasa Majlis Pelancaran Ciri-Ciri Baru Akaun Tekad Haji dan Kempen Simpanan Ke Akaun Tekad Haji di Dewan Mahligai, Tingkat 3, Airport Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Penasihat Perbadanan TAIB, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Pengarah Urusan Perbadanan TAIB seterusnya berkata, di sinilah adanya keperluan untuk kita memulakan simpanan yang bersistematik dan teratur untuk memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji seperti yang kita rancangkan.

Menyedari akan potensi perkembangan Akaun Tekad Haji ini, katanya, keperluan untuk mengkaji semula ciri-ciri akaun tersebut telah dilaksanakan oleh pihak TAIB.

Walaupun perubahan yang dibuat ini nampak kecil, terangnya, tetapi ianya diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu rakyat dan penduduk tetap yang beragama Islam di negara ini untuk memulakan simpanan mereka secara bersistematik dengan jumlah yang minima dari sejak usia yang kecil lagi.

Beliau juga turut menerangkan, jika dibandingkan negara kita dengan negara lain, kita tidak perlu mengikuti sistem giliran atau undian untuk menunaikan fardu haji.

Namun begitu, tambahnya, adalah tidak mustahil dengan pertambahan bilangan penduduk dan meningkatnya permintaan untuk menunaikan fardu haji pada masa akan datang, negara kita juga mungkin akan mengalami senario yang sama.

Dalam ucapan beliau juga menjelaskan antara ciri-ciri baru yang akan diperkenalkan ialah pengurangan jumlah minima deposit bagi pembukaan akaun daripada BND100 kepada BND10 sahaja.

Jika sebelum ini akaun hanya dibukakan kepada individu berumur 18 tahun ke atas, sekarang katanya akaun akan dibukakan kepada semua peringkat umur.

Sehubungan dengan itu, beliau menyatakan, dalam mengusahakan dan mempergiatkan lagi kempen simpanan ke Akaun Tekad Haji, beberapa strategi dan perancangan telah diatur dengan menggunakan pendekatan yang memfokuskan kepada individu, keluarga dan juga masyarakat, contohnya melalui jerayawara dan perancangan kewangan secara Islam.

Tambahnya, bagi menjayakan usaha-usaha yang dirancang, pihak TAIB juga berhasrat untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan sektor-sektor swasta untuk sama-sama menyokong serta menggalakkan rakyat dan penduduk tetap di negara ini untuk membuat simpanan secara sistematik dan dengan kerjasama daripada pihak agensi-agensi kerajaan, insya-Allah simpanan melalui potongan gaji akan turut diperkenalkan semula.

"Kempen simpanan ke Akaun Tekad Haji ini juga dihasratkan sebagai persediaan awal yang dilihat memberikan *added benefits* kepada Tambang Haji Kurnia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diperuntukkan kepada pegawai dan kakitangan pihak kerajaan dan swasta yang memenuhi syarat untuk mendapatkan kemudahan berkenaan," terang beliau.

Antara matlamat asal penubuhan TAIB adalah bagi menggalakkan rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam untuk menyimpan dan mengumpul wang bagi menunaikan fardu haji. Oleh kerana itu satu akaun simpanan yang dinamakan Akaun Tekad Haji telah mula diperkenalkan pada 29 September 1994.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Surah Al-Qur'an (Surah An-Naba') oleh Awang Muhd. Ekram' Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi, Murid Sekolah Al-Falaah.

Diikuti dengan pelancaran Ciri-Ciri Baru Akaun Tekad Haji oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dan Kempen Simpanan Ke Akaun Tekad Haji.

# Penuntut SUAMPRIPAD Khatam Al-Qur'an

Oleh :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 November. - Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuam Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi penuntut-penuntut Tahun 10 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Majlis dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan isteri.

Seramai 139 pelajar Tahun 10 dari kelas Abyadh, Ahmar, Akhdar, Asfar, Azraq, Al Qaranful dan As Sausan itu bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan surah-surah oleh para peserta khatam.

Bacaan Doa Khatam Al-Qur'an dibacakan oleh pelajar Tahun 10 Abyadh, Dayang Lina Musfirah binti Haji Abd. Wahab, sementara bacaan Takhtim dan Dikir Marhaban oleh penuntut-penuntut Tahun Sepuluh Bunga.

Kemudiannya diikuti dengan penyampaian sijil dan cendera hati kepada penuntut-penuntut yang dikhatamkan disampaikan oleh Setiausaha Tetap KHEU.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyampaikan sijil kepada seorang pelajar. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

# Adaptasikan dunia global dengan unsur duniawi, ukhrawi

Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

**SENGKURONG**, Isnin, 21 November. - Belia merupakan aset yang tidak ternilai harganya bagi sesebuah negara, keranaya ia boleh membentuk arah tuju sesebuah negara berkenaan.

Perkara ini dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abd. Kahar bin Haji Hussin semasa Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Solat Qasar dan Jamak Bagi Kumpulan Masjid Seluruh Negara Tahun 1432 Hijriah / 2011 Masihi berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong di sini.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid menjelaskan, amatlah penting untuk kita memeduli belia-belia di negara ini dengan menyediakan mereka, agar menjadi anak bangsa yang berwibawa, berilmu, berwawasan serta mampu mengadaptasi dunia global ini dengan unsur yang melibatkan duniawi dan ukhrawi.

Beliau menambah, praktikal solat qasar dan jamak ini boleh dikatakan suatu yang ganjil bagi kita apatah lagi kepada para belia pada masa ini kerana mungkin ada dalam kalangan mereka yang baru mendengarnya dan tidak kurang pula yang pernah mempelajarinya dahulu di zaman persekolahan agama, namun tidak pernah mempraktikkannya, yang akhirnya mereka lupa mengenainya.

"Sebenarnya solat qasar dan jamak ini merupakan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja, ia sebenarnya ada mengandungi hikmah yang tersirat dalamnya antaranya iaitu bagi mengelakkan kesukaran dan kepayahan dalam menunaikan hak Allah terutama ibadah solat sewaktu melakukan perjalanan jauh atau musafir," jelasnya.

Beliau berharap kepada para belia yang mengikuti bengkel yang diberikan akan dapat mempraktikkannya dalam penghidupan mereka terutama sewaktu dalam perjalanan jauh.

Seterusnya beliau berharap pada masa akan datang nanti, lebih banyak lagi program dan aktiviti yang disusun untuk mengisi masa lapang para belia khususnya dalam menerapkan pengetahuan dan kemahiran ilmu khususnya dalam ilmu agama, yang sekali gus mampu mewujudkan para belia Islam yang berwibawa, berwawasan, bertakwa, beriman dan berdaya tahan dengan hentaman globalisasi yang tidak dapat dijaring dengan hanya ilmu keduniaan, bahkan yang lebih penting lagi adalah penyediaan ilmu agama yang mantap agar belia-belia khususnya yang beragama Islam akan mampu bertahan mendaulatkan agama Islam dalam apa juapun keadaan dan rintangan yang menimpa mereka.

Bengkel Solat Qasar dan Jamak bagi Kumpulan Masjid Seluruh Negara Tahun 1432 Masihi / 2011 Hijriah dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali.

Antara objektif bengkel yang diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan panduan tentang cara mengerjakan Sembahyang Qasar dan Jamak kepada para belia masjid dan juga sebagai persiapan awal bagi para belia untuk mengerjakannya bila melakukan perjalanan jauh.

Bengkel tersebut juga membantu para belia untuk mengambil Rukhsah (keringan) yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke atas umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ianya juga membantu menambahkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran para belia terhadap pelaksanaan Sembahyang Qasar dan Jamak serta menjinakkan para belia untuk sering hadir ke masjid bagi melakukan ibadah sembahyang berjemaah dan sekali gus menghidupkan syiar Islam dan menyemai rasa mahabbah dalam kalangan para belia.

Antara pengisian bengkel tersebut, para peserta turut didedahkan dengan konsep Sembahyang Qasar dan Jama' dan juga ditunjukkan secara simulasi mengenai pelaksanaannya.

Manakala fasilitator bagi bengkel ini terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.

Majlis diteruskan dengan persembahan Tausyeh daripada Kumpulan Belia Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan penyampaian sijil-sijil penyertaan kepada wakil-wakil peserta yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

# Penyampaian Sijil Bengkel Hafaz Al-Qur'an

Berita dan Foto :
Ihsan Muhammad Ameruddin Suhaili

**GADONG**. - Ahli Jawatankuasa Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba (AJK Masjid RIPAHS) telah berjaya mengungkayahkan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Hafaz Al-Qur'an Kali Pertama bagi belia masjid yang berlangsung di majlis berkenaan pada 13 November 2011.

Antara objektif aktiviti itu diadakan bagi menggalakkan murid-murid akan sentiasa membaca Al-Qur'an dengan baik dan lancar terutamanya dari segi hafazan Al-Qur'an.

Di samping itu juga, ia dapat mengeratkan kerjasama dan perpaduan antara ibu bapa, guru-guru dan murid-murid dalam sama-sama mengungkayahkan majlis-majlis keagamaan masjid ini.

Ia dihasratkan supaya amalan membaca Al-Qur'an dijadikan warisan turun-temurun dan budaya hidup seharian bagi semua lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ia juga bagi menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebagai Negara Zikir.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Pegawai Hal Ehwal Masjid Zon 3, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Jamil bin Haji Ghani.

Adalah diharapkan agar aktiviti yang berbentuk keagamaan ini akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua dan diharapkan akan menjadi acara tahunan Masjid RIPAHS.

Diharapkan juga agar ia dapat mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Mulia untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebagai Negara Zikir dan menjadikan belia-belia Islam bertanggungjawab, prihatin dan berbakti kepada raja, bangsa, agama dan negara.



KETUA Pegawai Hal Ehwal Masjid Zon 3, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Jamil bin Haji Ghani menyampaikan sijil Bengkel Hafaz Al-Qur'an kepada seorang peserta.

# Penerima bantuan kebajikan lebih suka diberi pekerjaan

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 November. - Setiap rakyat dan penduduk harus diberi peluang untuk menyertai aktiviti ekonomi dan sosial dalam masyarakat di Negara Brunei Darussalam, walaupun akses kepada keperluan dan perkhidmatan asas adalah dijamin bagi semua rakyat dari segi pendidikan, perubatan dan sebagainya, akan tetapi seperti juga dengan negara-negara lain, memang terdapat golongan masyarakat yang terpinggir, yang mengalami kehidupan dalam kemiskinan.

Sebagai masyarakat pemedulian, kita harus menangani isu ini dan menyediakan rancangan-rancangan yang tertentu untuk mengintegrasikan mereka semula ke dalam masyarakat.

Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berucap demikian semasa merasmikan Bengkel Keusahawanan Untuk Masyarakat, berlangsung di Hotel Riverview, di sini.

Jelas Yang Mulia lagi, sukatan asas yang perlu kita gunakan dalam menyediakan rancangan-rancangan ialah maruah dan harga diri yang wujud dalam setiap insan.

"Daripada kajian yang diusahakan oleh agensi-agensi kerajaan jelas menunjukkan penerima-penerima bantuan kebajikan lebih suka diberi pekerjaan daripada bergantung kepada bantuan kebajikan," jelas Yang Mulia.

Dengan ini, katanya, usaha-usaha harus ditumpukan kepada rancangan-rancangan yang dapat memperkasakan golongan orang susah.

Yang Mulia amat tertarik dengan Bengkel Perusahaan Sosial ini yang bertujuan untuk menggalakkan perusahan iaitu perusahan sosial merupakan salah satu model perniagaan yang kian meningkat dewasa ini yang berbeza daripada perniagaan biasa kerana memberi kepentingan kepada isu sosial dan kebajikan.

"Dalam bahasa Inggeris boleh dikatakan sebagai 'Doing Business with a Conscience'. Dengan ini perusahan sosial amat menarik kerana bukan sahaja akan dapat membuka peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada mereka yang menganggur tetapi juga untuk menyediakan produk atau perkhidmatan yang mengambil kira kepentingan dan keperluan sektor masyarakat yang kurang bernasib baik," ujarnya.

"Ini adalah penting bagi menjana pertubuhan ekonomi yang lebih inklusif dan *sustainable* sesuai dengan matlamat Wawasan 2035. Model Perusahaan Sosial ini bukanlah konsep baru dan pernah digunakan dengan jayanya di negara-negara lain. Akan tetapi bagi Negara Brunei Darussalam ia merupakan satu pendekatan baru yang boleh kita ketengahkan khususnya bagi menangani masalah sosial," jelas Yang Mulia.

Yang Mulia menekankan agar model perniagaan ini akan dapat dikembangmajukan oleh badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta di negara ini yang mana akan dapat memberi imej yang baru kepada perniagaan dengan mengambil kira faktor kemanusiaan.

"Perusahaan Sosial merupakan salah satu *vehicle* dalam usaha kita menuju ke arah pencapaian masyarakat yang inklusif. Masyarakat inklusif merupakan matlamat setiap negara untuk menjamin penglibatan semua rakyat dalam sama-sama menikmati kemajuan dan perkembangan sosioekonomi negara," jelas Yang Mulia.

selain itu, tambah Yang Mulia, kita tidak mahu melihat sektor masyarakat yang terpinggir dan terkeluar daripada masyarakat *mainstream* dan mereka ini terdiri daripada golongan orang susah termasuk ibu tunggal, mereka yang menganggur, mereka yang kurang upaya seharusnya diusahakan berterusan untuk menangani masalah mereka.

Selain itu, katanya, dalam hal ini, usaha padu daripada semua sektor adalah penting kerana masalah kemiskinan bukanlah tanggungjawab kerajaan sahaja malah memerlukan pendekatan bersepadu pada semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Di samping itu, Bengkel Perusahaan Sosial yang diadakan ini sangat bersesuaian dan relevan yang mana bengkel ini memperkenalkan satu pendekatan alternatif bagi menangani isu-isu sosial.

Bengkel ini bertujuan untuk mengenalkan konsep perniagaan yang berunsurkan kemasyarakatan agar masyarakat juga akan mendapat manfaat pada konsep baru ini.



**TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman merasmikan Bengkel Keusahawanan Untuk Masyarakat, berlangsung di Hotel Riverview - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.**

Bengkel selama tiga hari ini disertai oleh 50 peserta terdiri daripada ibu tunggal, belia dan ahli persatuan bukan kerajaan (NGO) yang dibimbing oleh Tuan Christopher Hill dari Commonwealth Secretariat seorang pakar dalam bidang sosial *enterprise.*

Peserta bengkel berkesempatan unutk bertukar fikiran dan menerokai idea baru dalam perniagaan masing-masing.

Majlis Perniagaan Wanita juga akan mengetengahkan lima orang mentor untuk membimbing peserta dalam mencari idea untuk membuka jalan dalam satu bidang perniagaan yang akan menguntungkan yang bersifat kemasyarakatan.

# Muzakarah Bersama Peladang, Penternak Daerah Temburong

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim



**PENOLONG Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Ketua Bahagian Pembangunan Agribisnes dan Kemajuan Daerah, Awang Haji Mohammad Sufri bin Abdullah menyampaikan taklimat Pencapaian Industri Pertanian dan Agrimakanan. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.**

**TEMBURONG**. - Statistik pengeluaran kasar pertanian di Daerah Temburong pada tahun 2010 menunjukkan BND2.11 juta mengikut nilai pasaran berbanding dengan BND3.50 juta pada tahun 2009 iaitu 0.9 peratus daripada pengeluaran negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Ketua Bahagian Pembangunan Agribisnes dan Kemajuan Daerah, Awang Haji Mohammad Sufri bin Abdullah ketika menyampaikan taklimat Pencapaian Industri Pertanian dan Agrimakanan dalam Sesi Muzakarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Bersama Peladang dan Penternak Daerah Temburong, berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar pada 19 November 2011.

Katanya, pengeluaran tersebut adalah menurun sebanyak 39.7 peratus atau sebanyak BND1.39 juta yang mana penurunan yang ketara adalah komoditi buah-buahan iaitu sebanyak BND1.13 juta.

Beliau juga menjelaskan bahawa penyumbang utama sektor pertanian dan agrimakanan bagi Daerah Temburong ialah industri beras yang berjaya menghasilkan sumbangan bernilai BND0.65 juta.

Ini diikuti oleh industri buah-buahan berjumlah BND0.56 juta, manakala industri lain seperti ayam pedaging BND0.38 juta, sayur-sayuran BND0.38 juta, pelbagai tanaman BND0.075 juta, industri proses agrimakanan berasaskan produk tanaman BND0.057 juta dan daging kerbau dan lembu berjumlah BND0.03 juta.

Setakat ini, terdapat kira-kira 706 jumlah pengusaha/syarikat yang menceburi dalam perusahaan pertanian dan agrimakanan di Daerah Temburong iaitu 18 peratus pada keseluruhan pengusaha pertanian dan agrimakanan di negara ini.

Para peladang dan pengusaha yang hadir juga diberi kesempatan untuk mengajukan pertanyaan-pertanyaan dalam sesi soal jawab bersama Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pengiran Hajah Rosidah binti Pengiran Haji Metussin dan para pegawai kanan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Majlis Muzakarah bersempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Bagi Tahun 2011 diharap akan dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peladang dan penternak di daerah ini mengenai perkembangan industri pertanian di negara ini yang merangkumi sektor ternakan, tanaman dan agrimakanan.

Dengan adanya muzakarah seumpama itu diharap supaya para pengusaha di daerah ini akan terus maju dan berdaya saing bagi sama-sama merealisasikan tema Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2011 iaitu 'Makanan Terjana, Negara Selamat'.

# MUIB, JAPEM, YSHHB bantu bina rumah



**PENGARAH Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud menyampaikan anak kunci rumah kepada Awang Haji Mohammad bin Haji Mahmud. - Foto : Ihsan YSHHB.**

Oleh :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**. - Penantian Awang Haji Mohammad bin Haji Mahmud serta keluarganya untuk memiliki rumah yang lebih selamat dan selesa akhirnya menjadi kenyataan melalui bantuan beberapa agensi yang berkaitan.

Perasaan gembira Awang Haji Mohammad, 67, diluahkannya ketika ditemui dengan menyatakan rasa gembira apabila beliau berserta enam keluarganya yang lain dapat berteduh dan meneruskan kehidupan pada hari mendatang.

"Syukur alhamdulillah atas bantuan dan keprihatinan beberapa pihak yang membantu kami sekeluarga dan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya," ujarnya.

Penyerahan Anak Kunci Rumah Bantuan diadakan di kediaman baru Awang Haji Mohammad di Kampung Lumapas 'B' dan disampaikan oleh Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud.

Hadir sama ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, juga selaku Ketua Kampung Putat, pegawai-pegawai kanan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) serta penghulu Mukim Lumapas dan ketua-ketua kampung di bawahnya.

Rumah bantuan jenis bertiang itu menelan belanja BND42,500 atas bantuan MUIB, JAPEM dan YSHHB, manakala kerja-kerja pembinaannya mengambil masa selama tiga bulan bermula Ogos lalu dan rumah tersebut juga dilengkapi dengan tiga buah bilik tidur, ruang tamu, dapur dan tandas.

Acara seumpama itu bertujuan bagi memberi peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan untuk meneruskan kehidupan mereka dengan lebih selesa dalam mewujudkan suasana yang harmoni serta mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat di negara ini.

# Kementerian Pendidikan terima kunjungan delegasi Malaysia



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Awangku Abdullah bin Pengiran Haji Tengah dan Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Pendidikan bergambar ramai bersama rombongan Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.

**BANDAR SERI BEGAWAN**. - Kementerian Pendidikan menerima kunjungan dari rombongan Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.

Delegasi ini terdiri daripada sebelas pegawai kanan dan para pensyarah itu diketuai oleh Principal Assistant Director di Jabatan Pengajian Politeknik, Puan Siti Maryam binti Mohd. Arifin.

Ketibaan rombongan di Kementerian Pendidikan pada 21 November 2011 dialu-alukan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Awangku Abdullah bin Pengiran Haji Tengah Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan yang lain.

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan pendedahan mengenai pendidikan inklusif dalam pelbagai peringkat serta mengenal pasti ruang-ruang kolaborasi dalam bidang yang mempunyai kepentingan bersama khususnya dalam bidang politeknik dan pengajian tinggi.

Rombongan mengikuti sesi taklimat mengenai Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi yang antara lain menyentuh mengenai struktur laluan pelajar di dalam SPN21.

Beliau juga menerangkan mengenai pelbagai laluan (*multiple pathways*) yang boleh diikuti pelajar untuk menuju peringkat tinggi pendidikan berdasarkan kecenderungan dan kemampuan para pelajar.

Di samping itu, delegasi turut mendengar taklimat mengenai pengajian tinggi disampaikan oleh Ketua Bahagian Pengajian Tinggi, Awang Haji Jalil bin Haji Mail.

Taklimat ini memberikan penerangan (*overview*) mengenai pengajian tinggi khususnya dalam penyediaan dan pengukuhan program-program pengajian tinggi.

Selepas taklimat di Kementerian Pendidikan, rombongan beredar ke Unit Pendidikan Khas di Gadong dan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Dayang Hajah Gambar binti Haji Gapar.

Di sini taklimat mengenai Pelaksanaan Pendidikan Inklusif di Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Pemangku Timbalan Ketua Unit Pendidikan Khas, Awang Bukit Hidup.

Aspek pendidikan inklusif menjadi salah satu sasaran untuk pembelajaran dan menimba pengalaman oleh rombongan tersebut.

Antara perkara yang mendapat fokus adalah peranan psikologis pendidikan serta program transisi bagi para pelajar dalam pendidikan inklusif.

Selepas sesi taklimat dan perbincangan, rombongan berkesempatan meninjau aktiviti-aktiviti dan hasil kerja pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Lawatan dua hari delegasi tersebut ke negara ini akan dimuatkan dengan lawatan ke Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam dan Sekolah Rendah Rimba II.

Ini bagi membolehkan para delegasi meninjau lebih dekat lagi pelaksanaan pendidikan vokasional dan teknikal serta penerapan, pelaksanaan dan kemudahan pendidikan inklusif di sebuah sekolah model di negara ini.

Sesi ini juga diisi dengan perbincangan bagi mengenal pasti bidang-bidang kerjasama yang menuju ke arah penubuhan Kumpulan Kerja Bersama (Joint Working Group) antara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang akan diadakan pada awal tahun hadapan.

# UBD terima kunjungan delegasi Malaysia

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**GADONG,** Selasa, 22 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menerima kunjungan sebelas delegasi Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia di Bangunan Pentadbiran UBD, di sini.

Rombongan terdiri daripada Policy Development Division, Curriculum Development Division, Tourism and Hospitality, Design and Visual Communication, General Studies, Commerce Department dialu-alukan oleh Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam UBD, Dr. Teo Siew Yean.

Menurutnya, ini adalah satu peluang yang baik untuk bertemu dengan wakil-wakil dari kementerian berkenaan bersama UBD.

Selepas itu, para delegasi diberikan beberapa taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam UBD dengan menghuraikan latar belakang UBD seperti bermulanya penubuhan UBD pada 28 Mei 1985 dengan jumlah seramai 176 pelajar selain menjelaskan mengenai akademik dan fakulti yang ada di universiti tersebut.

Selain itu, beliau juga memberikan gambaran keseluruhan Discovery Year UBD, di samping menekankan program musim panas UBD yang dipanggil sebagai program 'Discovery Global'.

Katanya, UBD telah menubuhkan perkongsian formal dengan beberapa institusi malaysian seperti UM, USM, UMS dan UTM dan berharap mereka akan membangunkan kerjasama produktif dalam masa terdekat dengan universiti-universiti yang lebih di Malaysia.

Antara lain tujuan perjumpaan diadakan adalah untuk mewujudkan satu *platform* yang mana kedua-dua UBD dan perwakilan boleh berkongsi amalan terbaik mereka serta bertukar-tukar idea.



UNIVERSITI Brunei Darussalam menerima kunjungan sebelas delegasi dari Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.

# ALAI PINTAR

**ALAI PINTAR melalui ruangan kali ini menampilkan Bangunan-Bangunan Kerajaan bagi pengetahuan generasi muda pada masa ini.**

***PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,***
***Diberikan percuma kepada rakyat,***
***Rajin membaca luas pengetahuan,***
***Alai jawablah soalan tercatat.***



## Borang jawapan Alai Pintar 912

Nama: ..............................................................................................
..............................................................................................

Umur : ..............................................

Alamat : ..............................................................................................
..............................................................................................

Telefon rumah (jika ada) : ........................................................

Sekolah : ..............................................................................

## Soalan Alai Pintar 912

APAKAH nama *'Bangunan Kerajaan'* seperti yang ada di dalam gambar di atas ?

..............................................................................................

***Syarat Peraduan***

JIKA alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.

Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.

Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

***HADIAH-HADIAH MENARIK***

Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

Pemenang bagi soalan
**Alai Pintar** keluaran 911
***24 Oktober 2011.***
**PELITA BRUNEI,**

**1. Muhd. Aiman bin Ramli**
**Umur : 6 Tahun**
**Tadika Jaya Datin Hajah Malai Rogayah**

**2. Nur. Izz Aniqah binti Haji Irman**
**Umur : 8 Tahun**
**Sekolah Rendah Sungai Tali Lumut**

**3. Nurul Rasyidah binti Haji Hamdani**
**Umur : 11 Tahun**
**Sekolah Rendah Beribi Telanai**

Jawapan Soalan ***Alai Pintar 911*** **keluaran 24 OKTOBER 2011,** adalah : **Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Seri Begawan**

***TARIKH TUTUP***

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

**Hantarkan borang jawapan Alai :**

**Kepada,**
**Ruangan Alai Pintar *912***
**PELITA BRUNEI,**
**Jabatan Penerangan,**
**Jabatan Perdana Menteri,**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510,**
**Negara Brunei Darussalam.**

ALAI DIALUKAN-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN JABATAN PENERANGAN

**TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR), JABATAN PERKHIDMATAN AIR**

**Bahagian I**

| BIL | PERKHIDMATAN | TPOR |
|---|---|---|
| 1. | Menerima aduan kerosakan bekalan air | 5 min |
| 2. | Penghantaran air melalui tanker | 4 jam |

**TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR), JABATAN PERKHIDMATAN AIR**

**Bahagian II**

| BIL | PERKHIDMATAN | TPOR |
|---|---|---|
| 1. | Membaiki kerosakan paip | 6 jam |
| 2. | Maklum balas mengenai aduan kualiti air | 4 hari |

# Selagi nikmat belum luput....!

ADAKAH anda masih memandang sesuatu perkara dengan pandangan yang pasif dan negatif? Jika masih, ya kiranya selepas ini kita memandang sesuatu dari sudut kekuatan. Ya, lihat dari sudut yang baik terlebih dahulu sebelum yang lain!

"Kenapa aku masih di takuk lama?"

"Kenapa orang lain maju, aku tidak?"

"Kenapa sentiasa kawanku sihat, aku sering ke hospital?"

Siang malam berbakti dan berkorban untuk bekerja. Namun hidup masih itu, itu juga. Ya, sedangkan kawan sebelah atau orang lain yang baru berkhidmat *kelmarin* sudah pun mampu rangkul kejayaan. Atau tiba-tiba saja orang baru berkhidmat sudah dapat apa yang dihajat sekian lama.

Siang malam menjaga kesihatan, sejak dulu sering bersenam tiba-tiba saja disahkan menghidap penyakit. Setiap minggu ada temu janji dengan doktor pakar. Manakala kawan yang sentiasa *berpenyakitan* sejak remaja, riang ceria berenang. Berlimbai tangan dengan isteri dan keluarga meniti kehidupan bahagia kerana sihat sejahtera.

Jika anda kiranya salah seorang insan yang dirundung malang, hah jangan mengeluh. Jangan salahkan takdir. Jangan kecewa. Jangan berputus asa. Lebih jauh daripada itu, jangan sekali-kali membenci orang-orang yang dikurniakan nikmat kesihatan dan kemajuan itu. Syukuri apa yang ada. Masing-masing manusia ada bahagiannya.

Memanglah semua orang berharap supaya sentiasa menikmati hidup sihat dan terus maju. Bermacam-macam perkara dapat dilakukan jika sihat. Tidak ada halangan untuk pergi ke mana-mana. Tiada pantang larang daripada doktor pakar.

Yakinlah, Allah lebih tahu apa yang Dia lakukan. Jangan mendahului hukuman Tuhan. Maknanya janganlah secara jerangkap samar kita menjatuhkan hukuman. Apatah lagi berprasangka buruk.

Kita semua berdoa agar tetap sihat dan terus maju. Cuma kadang-kadang kita lalai, terlupa dan tidak mahu tahu untuk memohon agar diterusan hidup sihat. Tau-tau, nikmat itu tiba-tiba dicabut barulah kita tersedar.

Aduhai, kenapa kita alpa terhadap Allah. Selagi nikmat itu belum luput atau dicabut maka kita pun tidak menjaganya sangat. Misalnya impian untuk terus sihat semena-mena terhalang. Maka berkatalah seorang sahabat yang baru saja terima pencen tua (penulis sudah masuk empat tahun terima pencen tua): "Jika semua orang sihat tidak perlu ada jururawat dan doktor. Klinik dan hospital tidak perlu dibina."

Tugas kita sebagai manusia ialah sentiasa berusaha. Menyerah diri dan bertawakal kepada Allah. Kita usahakan sesuatu dengan penuh keazaman. Kerjakan sungguh-sungguh. Bukan bekerja sekadar melepas batuk ditangga.

Setelah berusaha itu, kita serahkan urusan tersebut dengan bertawakal sepenuhnya kepada Allah. Sesungguhnya, segala ketentuan dan keputusan adalah kuasa mutlak Allah. Bukan kuasa manusia.

Mungkin saja usaha dan kerajinan kita dengan kawan anda kita itu sama saja tetapi dia terus dapat hasil daripada kerajinannya, tetapi kita tidak. Nah, itu ketentuan Allah. Mungkin belum rezeki. Mungkin Allah menangguhkan dahulu bahagian anda.

Atau mungkin kita belum tak mendapat nikmat itu kerana mungkin dengan nikmat itu kita akan jadi sombong dan lupakan Allah. Atau mungkin saja hendak menguji kesabaran dan ketaatan kita.

Sesekali, ketika kita diberi musibah misalnya sakit, maka kita pun terfikir, tak bolehkah Allah

***SETIAP sesuatu dan benda mestilah ada ciri-cirinya yang tersendiri. Air ada ciri-cirinya, baharulah kita katakan air. Sungai ada cirinya, baharulah kita kata itu sebatang sungai. Parit bagaimanapun besar dan panjangnya, tetap juga kita panggil parit kerana tidak ada ciri-ciri sungai bagi membolehkan kita panggilnya sebagai sungai. Semua ada ciri-cirinya yang tertentu misalnya polis, pelajar dan buruh. Apabila ciri-ciri polis ada pada si polan tahulah kita dia itu adalah tentera bukan murid sekolah.***


**Cetusan Minda**



**Oleh:
Haji Mohd. Salleh Abdul Latif,
Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 1990
*(The S.E.A. Write Award 1990)***


**BILANGAN 77**

hendak uji kita sedikit? Apalah salahnya diuji sekubit demi sekubit! Kenapa? Takut nanti, apabila semua kehendak dapat dicapai, tidak pernah sakit, tidak pernah menghadapi kesusahan, tidak pernah bimbang, tidak pernah menanggung derita maka akan menjadi Firaun yang mengaku dialah Tuhan.

Faham-fahamlah, naluri manusia apabila ditimpa ujian kesusahan, musibah atau kesakitan maka dia akan kembali kepada Allah. Mahu bukti. Ambil iktibar dari kisah Firaun yang mengaku dirinya Tuhan itu.

Sejahat-jahat Firaun, semasa hampir ditenggelamkan Allah di Laut Merah, ketika mengejar Nabi Musa dan pengikutnya, dia akhirnya mengakui adanya Allah. Apabila maut berada di ambang mata, baru ingat Allah. Baru tahu kekuasaan manusia tidak seberapa. Kekuasaan manusia itu ada batasnya.

Hidup ini ada pasang, ada surut. Ada ceria, ada duka. Ada senang, ada susah. Ada hujan dan ada kemarau. Yang paling afdal ialah dalam kehidupan ini ada sihat, ada kalanya sakit. Tidak kiralah sama ada sakit biasa, sakit tenang atau sakit kronik. Yang pasti ialah tidak seorang pun yang mahu sakit. Semua orang mahu sihat berpanjangan.

Sesuatu keadaan buruk yang berlaku dalam kehidupan manusia, tentu ada hikmahnya, yakni ada kebaikannya. Orang beriman akan menganggap keadaan itu sebagai ujian daripada Allah. Lazimnya, hendaklah kita bersabar menghadapi ujian itu. Tetapi bersabar bukan bermakna berserah kepada keadaan itu.

Ujian Allah menuntut kita supaya belajar dari kesalahan atau pengalaman. Ini yang menjadi masalah bagi kalangan kita. Bagi manusia apa-apa keadaan buruk yang berlaku padanya sering dianggap tidak baik baginya.

Biasalah, manusia akan mencari sebab atau punca yang salah bagi menjelaskan kenapa keadaan buruk itu berlaku kepadanya. Lalu disalahkan orang lain. Disalahkan keadaan sekitar. Atau lebih malang lagi apabila dia berkata, "Ini sudah nasib. Sudah kehendak Tuhan. Apa boleh buat?"

Faham-fahamlah bahawa Allah tidak menzalami makhluk-Nya. Di dalam Al-Qur'an, ada firman yang menyebut bahawa apa-apa yang disangka baik bagi manusia mungkin tidak baik bagi-Nya dan apa-apa yang disangka buruk mungkin baik bagi manusia, tetapi manusia tidak mengetahuinya.

Nah, mari kembali kepada iman. Iman bukan sekadar kata-kata atau lafaz yang manis diucap di bibir. Iman bukan sekadar pengakuan semata-mata dalam sanubari. Iman wajar dibuktikan. Bagaimana hendak mendapat bukti jika kita tidak mengujinya?

Misalnya emas, hanya dapat diketahui ketulenannya setelah diuji. Batu-batu yang berkerdipan mungkin disangka berlian padahal ia hanyalah sekadar kaca.

Memang mudah untuk kita mengaku bahawa kita telah beriman. Memang senang diucapkan. Nah, mereka yang gemar meninggalkan solat, tidak berpuasa dalam bulan Ramadan, jarang sekali jumpa di masjid-masjid pada hari Jumaat (janganlah sebut waktu-waktu sembahyang di hari-hari yang bukan hari Jumaat), melakukan kerja-kerja penyeludupan yang menyalahi undang-undang malah orang Islam tega membawa kepak ayam dan daging yang diragui kehalalannya, jika kita katakan kepadanya bahawa dia tidak beriman, pasti dia marah. Pasti dia naik angin. Silap-silap orang yang mengata itu pula dikatanya hendak berlagak macam Tuhan. Astaghafirullahal'azim!

Namun ucapan dan tindak balas dari orang yang sedemikian itu adalah tanda semua orang tahu yang iman memang perkara yang cukup berharga.

Setiap sesuatu dan benda mestilah ada ciri-cirinya yang tersendiri. Air ada ciri-cirinya, baharulah kita katakan air. Sungai ada cirinya, baharulah kita kata itu sebatang sungai. Parit bagaimanapun besar dan panjangnya, tetap juga kita panggil parit kerana tidak ada ciri-ciri sungai bagi membolehkan kita panggilnya sebagai sungai.

Semua ada ciri-cirinya yang tertentu misalnya polis, pelajar dan buruh. Apabila ciri-ciri polis ada pada si polan tahulah kita dia itu adalah tentera bukan murid sekolah.

Biasalah, kita risau bila terdengar orang lain kata bahawa seseorang itu tidak beriman. Bukan apa, hanya untuk muhasabah sahaja. Kerana ciri-ciri Islam itu seolah-olah sudah tidak ada. Tidak mahu menjaga solat, tidak berpuasa dalam bulan Ramadan, jarang memulakan sesuatu perkara dengan *'Bismillahir Rahmanir Rahim'* iaitu Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segan untuk memberi salam.

Begitulah juga iman. Antara ciri-ciri iman itu ialah bersabar apabila diuji. Sesekali Allah beri kita sedikit masalah atau musibah, atau sedikit susah untuk menguji iman kita. Dia ingin tahu kita ini beriman ataupun tidak, walaupun pada hakikatnya Allah Maha Mengetahui akan iman hamba-hamba-Nya.

Hubaya-hubaya, baru diuji dengan sedikit musibah atau dengan suatu kejadian yang tidak diingini, sudah menyalahkan takdir. Lalu tidak merasa senang malah merasa kecewa kerana diri sendiri yang ditimpa bencana, bukan orang lain. Hati resah-gelisah dan bergelora kerana enggan menerima ketentuan Allah. Inikah yang dikata kita sudah beriman?

Sesungguhnya, ada hikmahnya dalam setiap ujian Allah itu. Ya demi menguji iman kita. Mungkin juga sebagai penghapus dosa-dosa kita yang lalu sama ada disedari ataupun tidak, yang kita sengajakan mahupun bukan. Nah, mari kita renung semula rukun-rukun iman.

1. Beriman kepada Allah
2. Beriman kepada Malaikat
3. Beriman kepada Rasul
4. Beriman kepada Kitab
5. Beriman kepada Hari Akhirat
6. Beriman kepada Qadak dan Qadar

Benar. Kita yakin. kita mudah beriman dan percaya kepada Allah, Malaikat, kitab, Rasul dan hari pembalasan. Tetapi ramai dalam kalangan kita yang kurang memahami apa itu qadak dan qadar Allah. Qadak dan qadar Allah, itu apa?

Qadar atau takdir ialah ketentuan dan ketetapan Allah. Untung rugi kita atau baik buruk yang telah Allah tentukan kepada kita. Contoh seperti ketentuan Allah mengenai rezeki, jodoh pertemuan, sakit dan sembuh kita.

Adapun qadak (diulang, qadak) ialah pelaksanaan ketentuan tersebut. Apabila Allah melaksanakan apa yang telah ditentukan-Nya tadi maka itulah qadak-Nya.

Nah, jangan samakan *qada* (diulang, qada) dalam bab sembahyang atau ibadat puasa. Qada dalam sembahyang bermaksud menggantikan solat yang telah luput atau tertinggal.

Perbezaan maksud *qadak* dan maksud *qada* itu yang cukup jelas. Qadak dalam akidah dan *qada* dalam bab ibadat (solat) adalah berbeza.

Kita tidak mampu melawan qadar dan qadak Allah. Tetapi kita boleh merancang untuk menghadapi perkara tersebut.

***JIKA anda kiranya salah seorang insan yang dirundung malang, hah jangan mengeluh. Jangan salahkan takdir. Jangan kecewa. Jangan berputus asa. Lebih jauh daripada itu, jangan sekali-kali membenci orang-orang yang dikurniakan nikmat kesihatan dan kemajuan itu. Syukuri apa yang ada. Masing-masing manusia ada bahagiannya. Memanglah semua orang berharap supaya sentiasa menikmati hidup sihat dan terus maju. Bermacam-macam perkara dapat dilakukan jika sihat. Tidak ada halangan untuk pergi ke mana-mana. Tiada pantang larang daripada doktor pakar. Yakinlah, Allah lebih tahu apa yang Dia lakukan. Jangan mendahului hukuman Tuhan. Maknanya janganlah secara jerangkap samar kita menjatuhkan hukuman. Apatah lagi berprasangka buruk.***

Misalnya, kita tidak boleh menolak kedatangan mati. Tetapi kita boleh bersedia menghadapi mati. Dalam erti kata bersedia menjaga kesihatan dan mengerjakan amalan yang baik-baik.

Kita sesungguhnya tidak mampu melawan tua, ya usia tua. Tidak mampu melawan sakit yang tiba-tiba mendatang tetapi kita boleh berusaha untuk menghadapi kedua-duanya.

Allah telah memberi senjata yang hebat buat setiap orang mukmin. Senjata-senjata anugerah Allah itu perlulah diguna dan dimanfaatkan sebaik mungkin. Jika tidak digunakan maka kitalah yang menanggung rugi. Apakah senjata-senjata itu?

Berdoa dan bertawakal, adalah senjata orang beriman. Sisihkan jauh-jauh fikiran untuk menjadi manusia yang melawan takdir dan tidak langsung mahu bersedia menghadapi segala takdir.

Kerana itu kita digalak untuk sentiasa berdoa. Doa adalah senjata bagi orang yang beriman. Hidup kita ini perlu sentiasa berdoa. Berdoa semasa senang dan sihat. Berdoa semasa susah dan atau sakit.

Kita sebagai makhluk yang lemah memohon doa kepada Allah Yang Maha Berkuasa. Allah amat suka jika kita selalu menadah tangan meminta dan bermohon kepada-Nya. Perbanyakkan berdoa, dan memohon kepada-Nya.

*"Ya Tuhanku! Sesungguhnya kami memohon kepada-Mu keselamatan untuk agama, kesejahteraan untuk tubuh badan dan pertambahan ilmu dan keberkatan untuk rezeki."*

Jika manusia, semakin banyak kita meminta padanya semakin dia tidak suka. Misalnya, setiap hari kita menemui seseorang untuk meminta-minta padanya tentu dia akan jemu malah benci kepada kita.

Namun setiap hari, yang pasti lima kali dalam sehari, kita menghadap Allah dan lepas itu berdoa sepenuh hati, memohon dan meminta kepada-Nya, Allah akan semakin kasih kepada kita.

Pada hemat para ilmuwan Islam bahawa sesiapa yang menghampiri Allah dengan kadar sejengkal maka Allah akan mendekati kita sejauh satu hasta. Jika kita mendekati Allah sehasta maka Allah akan mendekati kita dengan kadar sedepa.

Sihat dan sakit, kedua-duanya adalah ujian. Lulus atau gagal terletak pada syukur dan sabar. Mudah-mudahan kita sering lulus setiap ujian Allah. Indah sungguh cara hidup orang Islam. Indah sungguh cara hidup orang beriman. Ketika menikmati kesenangan dia bersyukur dan sering berdoa, dan apabila ditimpa kesusahan dan musibah, dia bersabar dan berdoa. Berdoa dan bertawakal.

# Brunei Darussalam komited manfaatkan potensi belia

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Negara Brunei Darussalam komited dalam memanfaatkan potensi para belia yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan dan masa depan negara.

Dalam mencapai hasrat ini, beberapa inisiatif telah dan sedang dijalankan bagi memanfaatkan potensi-potensi para belia di negara ini.

Perkara ini dinyatakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim semasa merasmikan Mesyuarat Ketua-Ketua Pertubuhan Belia Negara Asia Tenggara Ke-9 (9th South East Asia National Societies Youth Directors Meeting) di Hotel Radisson pada 18 November 2011.

Menurut Awang Haji Ismail, antara inisiatif tersebut ialah Dasar Pembangunan Sumber Tenaga Manusia untuk menghasilkan rakyat yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi bagi mencapai Wawasan Negara Brunei 2035 yang termasuk penubuhan Dana Sumber Manusia.




PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim bergambar ramai bersama para perwakilan Pertubuhan Kebangsaan Bulan Sabit Merah dari Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Antara lain, tambahnya, dana tersebut adalah untuk melaksanakan skim-skim seperti Skim Latihan dan Pekerjaan, Pembangunan Kapasiti Sumber dalam Skim Sektor Swasta dan biasiswa tempatan untuk pendidikan teknikal dan vokasional di Skim Institusi Akademik Swasta.

Di samping itu jelasnya, inisiatif lain juga termasuk menggalakkan keusahawanan belia dalam industri kreatif, menggalakkan belia hidup dengan gaya hidup sihat dan melancarkan perkhidmatan perintis yang menekankan mengenai membina daya tahan dan disiplin diri, patriotisme, keusahawanan dan perkhidmatan masyarakat serta melibatkan belia dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan kesukarelaan yang seterusnya menjadikan mereka masyarakat yang penyayang.

Beliau penuh yakin dengan pengalaman luas dan rangkaian serantau dan antarabangsa yang dimiliki oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei (BDRCS) akan dapat memainkan peranan utama dalam menjadikan inisiatif ini berjaya.

Sementara itu, Presiden BDRCS, Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yussof dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, mesyuarat ini merupakan program tahunan yang pertama kalinya diadakan di Republik Filipina pada tahun 2003 bertujuan untuk mengukuhkan belia-belia Asia Tenggara dalam proses kepimpinan dan membuat keputusan.

Para belia hari ini, jelas beliau adalah aset negara pada masa hadapan dan mesyuarat kali ini akan memfokuskan kepada isu-isu antaranya bagi kemapanan rangkaian pemimpin-pemimpin belia Asia Tenggara, belia sebagai ejen perubahan sikap, inisiatif belia global: pengemaskinian dan dasar belia serta belia dan media sosial.

Mesyuarat tiga hari itu disertai oleh perwakilan ketua-ketua Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara dari Kemboja, Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Timor Leste dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah yang akan bergabung dengan satu matlamat yang sama iaitu bagi mengukuhkan keupayaan para belia dalam proses kepimpinan dan membuat keputusan.

Bertemakan 'Merangsang Belia Bulan Sabit Merah - Menyelamatkan Nyawa, Merubah Minda' (Inspiring RC Youth - Saving Lives, Changing Minds), mesyuarat dianjurkan oleh Persekutuan Palang Merah Antarabangsa dan Delegasi Pertubuhan Bulan Sabit Merah di Bangkok dan disokong oleh BDRCS.

# Sembilan syarikat penerbitan swasta menerbitkan drama




SESI Menandatangani Kontrak Perjanjian Penerbitan Drama Bersiri antara Radio Televisyen Brunei dengan sebuah syarikat swasta. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Radio Televisyen Brunei (RTB) Menandatangani Kontrak Perjanjian Penerbitan Drama Bersiri di Bangunan RTB, Sungai Akar pada 19 November 2011.

Hadir menandatangani bagi pihak RTB ialah Pengarahnya, Awang Haji Md. Yunos bin Bolhassan dan disaksikan oleh Timbalannya, Pengiran Haji Mahari bin Pengiran Haji Abd. Rajak dan pihak syarikat diwakili oleh salah seorang wakil dari syarikat masing-masing.

Sembilan buah syarikat penerbitan swasta menerbitkan drama bersiri iaitu Shazana's House Photography, Dasmin Studio Production, Regalblue Production, Masscom TV Production, Megabond Sendirian Berhad, Shahrimas Production House, Sirih Junjung Production, Digimage Production dan JN VISION.

Awang Haji Md. Yunos dalam ucapannya menjelaskan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dalam penerbitan drama tersebut ialah sentiasa memberikan kerjasama bagi meningkatkan usaha-usaha menghasilkan drama yang bermutu dan memelihara kesejahteraan para artis dengan menyediakan satu perjanjian rasmi dengan artis-artis yang terlibat dalam penerbitan drama serta semua hal-hal lantikan, pembayaran dan lain-lain adalah menjadi tanggungjawab syarikat penerbitan.

Selain itu, beliau juga menyatakan, menyediakan jadual penggambaran atau *post production* bagi memudahkan ahli jawatankuasa yang ditugaskan nanti untuk membuat lawatan ke lokasi-lokasi penggambaran dan sesi perbincangan status penerbitan serta sentiasa mematuhi peraturan Tata Amalan Penyiaran 1988 dan mematuhi kehendak dan keputusan penilaian pihak Ahli Jawatankuasa Penapisan dan Penilaian Rancangan - Rancangan Televisyen.

Di samping itu katanya, penghantaran semua pitapita drama yang telah disiapkan pada tarikh yang dipersetujui iaitu tidak lewat dari 26 Januari 2012 bagi memudahkan rancangan-rancangan mengikuti jadual perancangan siaran.

Beliau juga berharap penulis-penulis skrip dan syarikat-syarikat swasta akan saling memberikan kerjasama yang sepenuhnya dan mengekalkan kerjasama bersepasukan dalam sama-sama meningkatkan lagi mutu penerbitan drama bersiri pada tahun ini dan pada masa akan datang bagi memenuhi cita rasa penonton.

# Hari Terbuka TDDB di OGDC dapat sambutan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**SERIA.** - Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) mengadakan Hari Terbuka secara serentak ke empat-empat daerah pada 20 November 2011.

Bagi Daerah Belait, Hari Terbuka berlangsung di kawasan Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) dan dirasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Mohammad Jeffrynul Hafli bin Pengiran Haji Ali.

Hari Terbuka tersebut dianjurkan oleh 3 Bn TDDB dan ia merupakan satu aktiviti sambutan Jubli Emas TDDB Ke-50 yang diraikan pada 4 November 2011.

Pada Hari Terbuka yang bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang telah dimuatkan dengan pelbagai acara seperti pameran statik yang memperlihatkan kelengkapan dan kenderaan tentera serta pameran dari Pejabat Pengambilan Rekrut dan Pegawai ABDB.

Juga turut diundang menyertai pameran termasuk Kementerian Kesihatan, Majlis Perundingan Kampung dan Pendidikan Swasta Daerah Belait dan Brunei Garison selain memperlihatkan peralatan tentera juga menjual beberapa kelengkapan tentera sebagai koleksi peribadi atau cenderahati seperti buku dan jam tangan kalis air.

Selain pameran, pihak penganjur juga menyediakan *joyride* (kereta angkut perisai dan *airboat*) bagi membawa pengunjung menyusur kawasan yang berhampiran dan bagi mereka yang tertarik dan ingin mencuba menggunakan senjata tentera menggunakan peluru 0.22 dan peluru kosong, sebuah kawasan padang tembak kecil juga disediakan.

*Joyride* dan menembak dibuka kepada semua peringkat umur sama ada lelaki mahupun perempuan. Juga diadakan persembahan menembak senjata meriam katak dan tidak jauh dari kawasan padang tembak kecil tersebut diadakan Pameran Taman Ikhtiar Hidup yang antara lain memperlihatkan beberapa jenis perangkap haiwan hutan yang dibuat oleh pihak tentera serta beberapa pondok rehat tentera ketika berada dalam hutan.

Hari Terbuka tersebut diserikan dengan persembahan dari Platun Serunai dan Tambur serta bazar yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman.

Pada Hari Terbuka tersebut, Pegawai Pemerintah 3 Bn TDDB mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sokongan agensi kerajaan, pihak swasta, penduduk, mantan anggota dan keluarga ABDB dan khususnya kepada TDDB di Daerah Belait.





PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Pengiran Mohammad Jeffrynul Hafli bin Pengiran Haji Ali menyaksikan salah satu perangkap haiwan hutan yang dibuat oleh pihak tentera (kiri), sementara gambar kanan, antara pameran statik kenderaan tentera.

# Penemuan baru sering berlaku dalam bidang perubatan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil berucap dalam Simposium Kesihatan bertemakan 'Advancement in Medicine: Past, Present and Future'.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**JERUDONG.** - Jabatan Perubatan Dalaman Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) merupakan salah satu jabatan utama yang terlibat pada asas latihan tahunan di mana jabatan ini menyediakan pelbagai pengalaman klinikal kepada pelatih kerana ia bukan hanya sebuah jabatan malahan mempunyai beberapa kepakaran yang digabungkan di dalamnya.

Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil ketika berucap demikian berkata, lebih separuh daripada penyakit-penyakit akut dan kronik perubatan di Negara Brunei Darussalam diuruskan oleh jabatan berkenaan dan ia menyediakan bimbingan peringkat pengajian tinggi, pendapat dan nasihat kepada pesakit dan doktor seluruh Brunei.

Berucap semasa Pelancaran Simposium Perubatan 2011 berlangsung di Indera Kayangan, The Empire Country Club Jerudong pada 20 November 2011, beliau menyatakan, simposium tersebut merupakan salah satu usaha ke arah itu.

Doktor dari semua spektrum kepakaran perubatan hadir bagi mengikutinya, walaupun jadual mereka begitu sibuk sekali, tetapi mereka datang bersama-sama dan meletakkan satu program yang begitu menarik.

Menurut statistik Kementerian Kesihatan tahun 2010, lima punca teratas penyebab kematian ialah penyakit kanser, sakit jantung, kencing manis, cerebrovascular dan penyakit pernafasan seperti bronkitis dan penyakit paru-paru obstruktif kronik.

Semua penyakit tersebut dibentangkan pada simposium tersebut.

Dalam bidang perubatan, tambahnya, ia sentiasa berkembang dan berubah-ubah dan sering saja terdapat penemuan baru, bagi pengemaskinian strategi rawatan dan piawaian penjagaan dinaik taraf.

Beliau menjelaskan, kita perlu bergerak seiring dengan perubahan ini jika kita ingin melihat penterjemahan perkembangan ini kepada praktis yang boleh memberikan manfaat kepada pesakit.

"Peranan jururawat juga semakin berkembang dan mengalami perubahan. Kementerian Kesihatan mengakui dan mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh jururawat sebagai rakan kongsi dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang cemerlang. Saya juga boleh melihat bagaimana jururawat yang mengetuai beberapa inisiatif dan rintis yang dibangunkan oleh jabatan anda," terangnya.

Pendidik jururawat diabetik, kegagalan jantung dan program rehabilitasi jantung dan jururawat klinik asma, menurutnya, telah menjadi contoh yang baik bagi orang lain mengikutnya.

Kementerian Kesihatan, jelasnya, memang menghargai usaha yang baik ini dan menyarankan supaya lebih banyak lagi program serupa ini dijalankan.

Beliau menyedari Jabatan Perubatan Dalaman juga dalam proses menubuhkan Unit Perubatan Akut, yang merupakan sebahagian daripada penyusunan semula untuk menyediakan kualiti yang lebih selamat, lebih tinggi dan perubatan serta penjagaan menyeluruh bagi pesakit perubatan akut yang dimasukkan kerana kecemasan.

Perkhidmatan Unit Perubatan Akut, jelasnya, akan beroperasi sedikit masa lagi pada tahun hadapan dan beliau mengingatkan jabatan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pesakit selain memastikan jaminan kualiti seperti prosedur operasi standard dan garis panduan bagi unit tersebut.

Antara tujuan utama simposium ini diadakan adalah untuk menyediakan kesihatan profesional dengan peluang untuk berkongsi pengalaman mereka, belajar daripada satu sama lain dan berbincang mengenai kemajuan dengan cara bekerjasama dan positif.

Program tersebut dibahagikan kepada lapan sesi kuliah dari pelbagai kepakaran yang berbeza di bawah Jabatan Perubatan Dalaman.

Penceramah dipilih dari kepakaran khusus dan topik-topik meliputi perkembangan baru yang dibuat dalam bidang perubatan pada abad ke-21.

Jawatankuasa penganjur memilih enam kertas kerja percuma untuk dibentangkan dan sembilan pembentangan poster bagi simposium tersebut.




PENYAMPAIAN kertas kerja 'Venous Thrombo Embolism Treatment' disampaikan oleh Dr. Hajah Noorainun binti Haji Mohd. Yusof.

# Program Pengawalan Diabetes Hospital PMMPMHAMB Tutong berakhir



KETUA Pegawai Eksekutif Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Awang Mohammad Sabri bin Haji Anuar menyampaikan sijil Program Pengawalan Diabetes Hospital kepada seorang peserta.

Berita dan Foto :
Aryentty Haji Ariffin

**TUTONG.** - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Penutup Bagi Program Pengawalan Diabetes bertempat di Kantin Lama Hospital PMMPMHAMB Tutong pada 19 November 2011.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pegawai Eksekutif Hospital PMMPMHAMB, Awang Mohammad Sabri bin Haji Anuar.

Tujuan utama program ini diadakan bagi mendidik dan menyalurkan maklumat kepada pesakit yang terpilih mengenai pengawalan penyakit diabetes dan program pengawalan diabetes pula merupakan salah satu inisiatif hospital berkenaan untuk menyahut visi kementerian kesihatan iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Seramai 23 orang pesakit diabetes yang terpilih dari Hospital PMMPMHAMB, Pusat Kesihatan Pekan Tutong, Pusat Kesihatan Lamunin, Pusat Kesihatan Sungai Kelugos dan Pusat Kesihatan Telisai menyertai program berkenaan.

Antara lain objektif program berkenaan adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para peserta mengenai penyakit kencing manis serta komplikasi dan cara pengawalan yang lebih berkesan.

Unit pemakanan dan sokongan kakitangan Hospital PMMPMHAMB Tutong serta usaha sama pusat-pusat kesihatan di Daerah Tutong buat julung-julung kalinya melaksanakan Program Pengawalan Diabetes selama tiga bulan mulai 13 Ogos hingga 19 November 2011.

Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam program berkenaan adalah menganjurkan pelbagai ceramah kesihatan berhubung kait dengan penyakit diabetis, sesi perbincangan serta kegiatan fizikal yang mana ceramah-ceramah kesihatan tersebut telah pun disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Pegawai Penjaga Zat Makanan, Pegawai Psikologis Klinikal, Pegawai Fisioterapi, Jururawat Pendidik Diabetes, Ahli Kimia Ubat dan Podiatri.

Antara kandungannya, para peserta dikehendaki untuk mencatat dari pemakanan masing-masing setiap hari untuk disemak oleh Pegawai Penjaga Zat Makanan, di samping mengadakan senamrobik dan senaman 'Tai Chi'.

Penilaian terperinci pengawalan kencing manis peserta dilakukan secara berkala sepanjang program tersebut diadakan dilakukan melalui ujian darah serta pemeriksaan berat badan dan tekanan darah.

Majlis Penutupan Program Pengawalan Diabetes pada juga diselajurkan dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat majlis kepada para peserta yang telah berjaya mengawal penyakit diabetes mereka.

Sesi pengongsian pengalaman, mini kuiz mengenai pengawalan diabetes serta pengambilan gambar beramai-ramai juga diadakan sebelum selesainya majlis tersebut.

***ANTARA lain objektif program berkenaan adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para peserta mengenai penyakit kencing manis serta komplikasi dan cara pengawalan yang lebih berkesan.***

# BASMIDA terus berusaha cegah salah guna dadah haram

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) berharap persatuan itu akan terus menyebarluaskan kepada masyarakat akan bahaya penggunaan dadah haram dan mengharungi cabaran yang sentiasa berubah terutama dalam era globalisasi sekarang ini.

BASMIDA akan terus memikirkan dan menjalankan kegiatan-kegiatan untuk mencegah penyalahgunaan dadah haram di negara ini.

Perkara tersebut ditekankan oleh Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni bin Haji Mohd. Ali dalam ucapannya semasa Majlis Taklimat Keluarga dan Penggunaan Dadah Haram berlangsung di Sekolah Rendah Nakhoda Ragam, Kampung Menunggol pada 18 November 2011.

Sementara itu, Naib Yang Di-Pertua BASMIDA, Dayang Hajah Linda Aini binti Haji Abdullah dalam taklimatnya menyatakan, penyalahgunaan dadah itu jelas boleh membawa kesan yang negatif kepada kesihatan mental dan fizikal tubuh badan.

Menurutnya, ia bukan sahaja membawa kesan negatif kepada diri sendiri, tetapi juga kepada keluarga, agama, masyarakat dan negara.

Beliau juga menjelaskan, kesan dadah terhadap masyarakat boleh menjatuhkan maruah dan nama baik keluarga.

Selain itu, tambahnya, penglibatan keluarga dengan dadah juga boleh menjejaskan perpaduan, pembangunan dan kemajuan masyarakat.

Manakala Pegawai Perhubungan Persatuan BASMIDA, Dayang Nur Judy binti Abdullah menyatakan, beberapa kes sindiket dadah antarabangsa yang melibatkan anak tempatan juga merupakan mangsa kepada sindiket tersebut.

Beliau menasihatkan agar para belia tidak mudah terpedaya dengan sebarang tawaran dari luar negara yang bertujuan untuk menjerat mangsa ke lembah sindiket itu.

Program seumpama ini dapat meningkatkan lagi kesedaran awam tentang pentingnya mengetahui akan tanggungjawab keluarga dalam samasama mencegah, menghindarkan dan menjauhi apa jua kegiatan mengenai dadah-dadah haram dan secara tidak langsung menghapus gejala berkenaan.



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Menunggol hadir dalam Majlis Taklimat Keluarga dan Penggunaan Dadah Haram di Sekolah Rendah Nakhoda Ragam.

PELITA BRUNEI HARI ISNIN 28 NOVEMBER 2011 13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat diraja yang lain berkenan menunaikan Solat Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

# Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah Peringkat Negara

Oleh :
Abdullah Asgar, Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto :
Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1433 Hijriah serta Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Majlis sambutan bermula dengan Bacaan Doa Akhir Tahun 1432 Hijriah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Setelah itu, baginda beserta kerabat diraja dan para jemputan menunaikan Solat Fardu Maghrib Berjemaah dan diselajurkan dengan bacaan Doa Awal Tahun 1433 Hijriah oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Sejurus setelah itu, Solat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala keberkatan hidup di dunia dan di akhirat serta memohon agar Negara Brunei Darussalam beroleh kemakmuran dan kesejahteraan serta terhindar daripada kesusahan dan bencana.

Majlis Penganugerahan Tokoh Ugama/Jasawan Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah bagi tahun 1433 Hijriah yang menjadi pengisian utama majlis sambutan dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Haji Manan bin Othman, Naib Johan Qari dalam Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2004 sementara kesimpulan maknanya dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliudin.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat, yang menyembahkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas berkat kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku ketua agama di negara ini, yang sentiasa mengambil berat dalam memelihara dan mengembangkan agama Islam, maka Negara Brunei Darussalam dapat meraikan Hari-Hari Kebesaran Islam setiap tahun dalam keadaan suasana yang aman sejahtera.

Yang Berhormat menjelaskan, bahawa tema Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah kali ini bertemakan 'Taqwa Asas Kecemerlangan Umat'.

Tema ini jelas Yang Berhormat, terbukti kesannya pada zaman Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan zaman para sahabat Radiallahu 'Anhum bahawa kecemerlangan yang mereka capai sehingga umat Islam disegani dan dihormati sehingga ajaran Islam tersebar ke Timur dan ke Barat adalah kerana umat Islam bertakwa.

"Alhamdulillah, kesan kerana menghayati ajaran Islam juga dapat dinikmati di Negara Brunei Darussalam. Penghayatan Islam yang sedemikian itu perlu terus dipelihara dan disuburkan lagi untuk mencapai kecemerlangan umat, sesuai tema kali ini," tambah Yang Berhormat.

Acara kemuncak ialah Pemakluman Anugerah Tokoh Ugama/Jasawan Ugama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Permakluman Anugerah Bakti Hijrah oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Penerima Anugerah Tokoh Ugama Tahun 1433 Hijriah ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned. Penerima Anugerah Bakti Hijrah Tahun 1433 Hijrah, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Yussof, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan Yang Mulia Datu Maharaja Setia Haji Simpok bin Datu Maharaja Setia Dian.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Seterusnya Solat Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Hamid bin Bakal.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman memberikan ucapan dalam Majlis Penganugerahan Tokoh Ugama/Jasawan Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah bagi tahun 1433 Hijriah.



SEBAHAGIAN jemaah yang turut hadir dalam Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

# Islam menjadi tunggak beragama di negara ini

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 November. - Negara ini telah mengalami perkembangan agama Islam yang jauh berbeza jika dibandingkan dari akhir tahun 20an lalu kerana Islam itu menjadi tunggak beragama di negara ini sejak beratus tahun dahulu.

Namun terdapat perbezaan mengenai beragama dari dahulu dan sekarang, jelas Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned ketika ditemu bual oleh PELITA BRUNEI sejurus dianugerahkan penerima Anugerah Tokoh Ugama Tahun 1433 Hijrah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di sini sempena Sambutan Awal Tahun 1433 Hijriah.

"Sebagai contoh kalau dahulu kita menyambut Maulud Nabi hanya dikendalikan oleh Persatuan Islam yang berpusat di masjid sahaja yang diungkayahkan oleh pegawai-pegawai masjid dan beberapa orang pegawai kerajaan saja, tetapi hari ini sambutan sudah teratur serta dikendalikan oleh kementerian yang berkenaan dan sambutan pun dipenuhi dengan ucapan selawat dan bacaan zikir," kata Yang Berhormat.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, antara perbezaan dulu dan sekarang ialah tentang penglibatan persatuan-persatuan belia dahulu agak hebat ketika menyambut Maulud Nabi, kerana mereka rela menyertai peraduan berbaris ketika Sambutan Maulud Nabi dan barisan yang menang mereka itu betul-betul kumpulan hebat tetapi hari ini persatuan belia tidak lagi seaktif dahulu.

"Persatuan Belia dahulu kalau ada perayaan agama mereka ke depan untuk membesarkan dan memeriahkannya tetapi pada masa sekarang hal itu sudah kurang," terang Yang Berhormat.

Ditanya mengenai perkembangan beragama di negara ini di masa depan, Yang Berhormat mengulas, "Tidak diragukan lagi keagamaan di Negara Brunei Darussalam ini adalah kukuh berdasarkan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana baginda menguatkan pendidikan agama itu di semua sekolah," ujarnya.

Kata Yang Berhormat, dalam SPN21 sendiri jika ada *lubang* yang berkaitan dengan agama baginda tidak akan membiarkannya mesti agama itu juga berada di atas.

"Itu menunjukkan alamat baik kepada perkembangan agama di negara ini berbanding dahulu, baginda selama memerintah tetap mengataskan pendidikan agama pada semua peringkat umur," tambah Yang Berhormat.

Keadaan sebegini menurut Yang Berhormat, dianggap sebagai jaminan masa depan dan agama Islam di negara ini insya-Allah akan tetap menyerlah dan berkembang.

Sementara itu, bagi salah seorang penerima Anugerah Bakti Hijrah Tahun 1433 Hijriah, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Yussof pula menyifatkan peranannya dalam menyebarluaskan agama Islam di negara ini adalah semata-mata menyahut saranan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya seluruh umat Islam di negara ini agar menghayati ajaran-ajaran Islam dan membesarkan sedaya yang mampu.

"Perkembangan agama Islam di negara ini amatlah menggalakkan kerana keislamanan itu jelas terpancar di semua sekolah, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan swasta dan di rumah-rumah kediaman umat Islam sendiri dan ini ditambah lagi dengan setiap bulan bertambah saja bilangan orang-orang bukan Islam memeluk Islam," jelas Yang Amat Mulia.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidaklah semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

TAWARAN-TAWARAN

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,Tingkat 1, ( Ruang Masuk / Penyambut Tetamu )**
**Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BA1210**
**Negara Brunei Darussalam**

**BIL TAWARAN :**

**JBS/TDR/BPE/UP/30/2011**

**"MEMBAIK PULIH, MENGGANTI KEROSAKAN-KEROSAKAN MENURAP KAWASAN LETAK KERETA DAN MENGECAT KESELURUHAN BANGUNAN KOMPLEKS SUKAN TEMBURONG"**

**JBS/TDR/BPE/UP/31/2011**

**"CONVERSION AND RENOVATION OF STORAGE ROOM TO RECORDING STUDIO AND JAMMING AREA AT YOUTH CENTRE (PUSAT BELIA) BANDAR SERI BEGAWAN"**

**JBS/TDR/BPE/UP/32/2011**

**"UPGRADING OF COMPUTER FACILITIES AND RENOVATION OF COMPUTER LAB (ROOM) AT YOUTH CENTRE (PUSAT BELIA), BANDAR SERI BEGAWAN"**

**JBS/TDR/BPE/UP/33/2011**

**"PENGUBAHSUAIAN PEJABAT/BILIK JABATAN BELIA DAN SUKAN CAWANGAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH"**

Cagaran : **$ 200.00** (tender no. 30 satu dokumen - tidak dikembalikan )

**$100.00** (tender no. 31 & 32 satu dokumen - tidak dikembalikan)

**$150.00** (tender no. 33 satu dokumen - tidak dikembalikan)

Tarik Tutup Tawaran : **3 Muharam 1433**

**29 November 2011 (hari Selasa)**

**Jam : Tidak lewat jam 2.00 Petang**

Syarikat yang dibenarkan : Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas IV dan V saja dan Kategori 1, 2, 3, 4a, 4d, 4e, 4f, 4g, 5g, 5j, 5l.

Dokumen - dokumen dan penerangan - penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Tingkat 5, (Unit Pemeliharaan, Bahagian Prasarana dan Estet, Jabatan Belia dan Sukan). Manakala bayaran yuran tawaran bolehlah dijelaskan di Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas BA1210, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi pada setiap hari bekerja sementara hari Sabtu dari jam 9.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**MINDEF/DFA/RC/131(3)**

Tajuk Tawaran :

**WASTE DISPOSAL SERVICES FOR THE ROYAL BRUNEI NAVY – FIVE (5) YEARS CONTRACT**

Bayaran Tawaran : B$50.00 (Tidak dikembalikan)

**Syarat-Syarat Tawaran :**

a). TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok C, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 13 Disember 2011.** Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat).

b) Bayaran Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Pintu Masuk 5, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

**Isnin - Khamis :**
**8.00 pagi - 3.00 petang**

**Jumaat :**
**8.00 pagi - 10.30 pagi**
**2.00 petang - 3.00 petang**

c) Pembekal adalah dikehendaki membayar Yuran Tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d). Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e). Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan dikira tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

f). Salinan sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g). Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h). Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan.

i). Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman web : http://www.mindef.gov.bn.

---

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III atau IV Kategori Kerja KA01 & KP12 bagi :

**Projek :**

**"MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN, RIADAH DAN BERSUKAN" PROPOSD PARK DEVELOPMENT AT KG. BUKIT BERUANG NATIONAL HOUSING SCHEME, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**No. Projek : JKP/25/2011**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III atau IV Kategori Kerja KA01 & KP12 bagi :

**Projek :**

**"MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN, RIADAH DAN BERSUKAN" PROPOSD PARK DEVELOPMENT AT STKR TELISAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**No. Projek : JKP/26/2011**

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh dilihat dan didapati di Tingkat 1, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.30 petang, hari Sabtu, 19 November 2011. Tarikh tawaran dibuka :16 November 2011 (Rabu), **Tarikh tutup tawaran : 20 Disember 2011 (Selasa) (tidak lewat jam 2.00 petang).**

Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam
Yuran Tawaran :

$50.00 (Tidak dikembalikan)
Yuran Dokumen - E - Dokumen
dan Lukisan Tawaran) :
$5.00 (Tidak dikembalikan)

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran Dokumen/Lukisan Tawaran

Isnin - Khamis : 8.00 Pagi - 2.30 Petang

Sabtu : 8.00 Pagi - 10.30 Pagi

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Tingkat 1, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.

5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas dan Kategori Kerja yang ditetapkan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Tawaran akan dikira Sah Laku dalam tempoh 180 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN/4(39/1997).

10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TAWARAN adalah dipelawa bagi
**"AIRPORT OWNERS AND OPERATION LIABILITY INSURANCE"**

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, dituliskan dengan

**TAWARAN BAGI MEMBEKAL PERKHIDMATAN "AIRPORT OWNERS AND OPERATION LIABILITY INSURANCE"**

**Bilangan Tawaran : JPA/ADM/2011/01(S)**
**Tarikh Tutup : 6 Disember 2011**

**Kepada:**
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Kementerian Perhubungan**
**Jalan Menteri Besar,**
**Bandar Seri Begawan BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

1) Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan **tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 6 Disember 2011.**

2) Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3) Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Kewangan, Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei BB2513, Negara Brunei Darusslam dengan cagaran sebanyak B$50.00 (tidak dikembalikan).

4) Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei BB2513, Negara Brunei Darusslam.

Telefon: 2330142 Ext 1009
Fax: 2333666 / 2331706

5) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

6) Borang tender's declaration hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditandatangani.

7) Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan:-

I. Sijil Pendaftaran Perniagaan
II. Lesen Rampaian
III. Kad Pengenalan / No Pasport
IV. Daftar Milik Syarikat

ڤيستا بوکو بروني ٢٠١٢

Pesta Buku Brunei 2012

BUKU ADALAH MASA DEPAN

# ڤيستا بوکو بروني ٢٠١٢

# Pesta Buku Brunei 2012

# *Brunei Book Fair 2012*

**PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS**
**Negara Brunei Darussalam**

***INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE, BERAKAS***
***Brunei Darussalam***

## 3–12 RABIULAKHIR 1433 • 25 FEBRUARI–5 MAC 2012/25 FEBRUARY–5 MARCH 2012

### PENGENALAN

**PESTA BUKU BRUNEI 2012** dianjurkan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28, Tahun 2012.

Di samping mengenalkan dan menjual buku serta bahan penerbitan, Pesta Buku Brunei 2012 juga memberikan peluang pertemuan bagi toko buku, pengedar, penerbit, ilustrator, pustakawan, pelajar, pencinta buku dari dalam/luar negeri, dan masyarakat umum untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku.

Sepanjang Pesta Buku Brunei 2012, beberapa acara sampingan akan diadakan.

### TEMPOH PAMERAN:

**25 Februari–5 Mac 2012: 8.30 pagi–10.00 malam**
kecuali hari **Jumaat: 8.30 pagi–11.30 pagi** dan
**2.30 petang–10.00 malam**
Tempoh Pemasangan: **22 Februari dari 8.30 pagi–10.00 malam**
Tempoh Pengemasan: **6 Mac dari 8.30 pagi–7.00 malam**

**TEMPAT:** Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

### DIANJURKAN OLEH:

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.

### KATEGORI PAMERAN:

Buku : Seni, Kanak-Kanak, Agama Islam, Peta, Buku Panduan Melancong, Ekonomi, Sejarah, Budaya, Sains dan Teknologi, Akademik, Fiksyen dan Bukan Fiksyen, Buku Teks, Cakera Padat, dan yang seumpama dengannya.
Lain-lain : Majalah, Komputer, IT, dan yang seumpama dengannya.

### PENGURUSAN PESTA:

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
**Urus Setia**
**Pesta Buku Brunei 2012**
**Dewan Bahasa dan Pustaka**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Lapangan Terbang Lama**
**Berakas BB3510**
**Negara Brunei Darussalam**
**Tel.: +673 2382511 samb. 182, 176**
**Faks.: +673 2381817**
**E-mel: pestabukubrunei@dbp.gov.bn**

### PERMOHONAN

Permohonan untuk penyertaan pesta buku terbuka kepada penerbit-penerbit universiti, jabatan-jabatan kerajaan, penerbit-penerbit dalam dan luar negeri, dan penjual IT. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan dikembalikan pada atau sebelum **31 Disember 2011** ke alamat berikut:

**Urus Setia**
**Pesta Buku Brunei 2012**
**Dewan Bahasa dan Pustaka**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510**
**Negara Brunei Darussalam**

Pihak penganjur pesta buku berhak menolak mana-mana permohonan tanpa memberi sebarang alasan. Peruntukan bilangan gerai akan ditentukan oleh pihak penganjur dengan sewajarnya. Peserta tidak dibenarkan menyewakan atau menyerahkan gerai mereka kepada pihak lain.

### SYARAT PEMBAYARAN

Semua permohonan hendaklah menjelaskan bayaran penuh, sama ada secara tunai, draf bank atau cek dan dibayar penuh kepada **"Dewan Bahasa dan Pustaka"**. Bayaran penuh mesti dibuat sebelum **31 Januari 2012** dengan borang permohonan. Setiap peserta yang tidak menjelaskan bayaran sepenuhnya, tidak akan dibenarkan menyertai Pesta Buku Brunei 2012.

### PEMBATALAN

Sekiranya pemohon membatalkan tempahannya atas apa jua sebab sekalipun, pihak penganjur berhak melucutkan hak pemohon ke atas segala wang yang telah dibayar sebagai sewa dan perkhidmatan yang lain. Pihak penganjur berhak melupuskan atau menyewakan ruang dan kemudahan gerai tersebut mengikut apa jua cara yang difikirkan patut.

### GERAI DAN SEWA

Luas kawasan lantai bagi setiap gerai ialah 2.5 m x 3 m x 3 m. Sewa bagi sebuah gerai ialah B$1,500.00 dengan kemudahan berikut:

| | |
|---|---|
| meja | 1 |
| kerusi | 2 |
| rak @ 2 m panjang | 3 |
| lampu limpah (100 watt) | 1 |
| lampu fluoresen | 2 |
| bakul sampah | 1 |
| papan nama jabatan, syarikat/pertubuhan dalam tulisan Jawi dan Rumi | |
| lantai gerai berpermaidani | |

Hiasan tambahan bagi permukaan ruang pameran akan ditanggung sendiri oleh peserta. Sebarang tambahan yang lain tertakluk pada kebenaran penganjur dan peserta tidak dibenarkan menokok tambah melebihi ruang yang disediakan.

### PROMOSI DAN SERANTA

Publisiti akan diusahakan melalui media massa, laman web, poster, dan kain rentang.

### PENGINAPAN

Peserta dinasihatkan untuk membuat tempahan hotel penginapan mereka melalui laman web www.MyBruneihotels.com bagi hotel-hotel di Negara Brunei Darussalam.

### PENGIRIMAN DAN PEMUNGGAHAN

Peserta dikehendaki mendapatkan khidmat agensi atau syarikat pengiriman/pemunggahan untuk menghantar dan memunggah buku dan bahan pameran dari lapangan terbang ke Pusat Da'wah Islamiah (buku-buku agama) dan ke tempat pameran/lapangan terbang dengan kos dan perbelanjaan sendiri tidak lewat daripada bulan **Disember 2011** untuk mengelakkan sebarang masalah.

### SYARAT DAN PERATURAN

1 Peserta hanya dibenarkan memohon tidak melebihi 10 buah gerai tetapi pihak penganjur berhak memperuntukkan jumlah gerai sekiranya timbul keperluan untuk berbuat demikian.

2 Bahan pameran dan jualan seperti buku, bahan IT, jurnal, majalah, komik, poster, kaset, alat pandang dengar pendidikan, bahan seni khat, cakera padat, dan seumpamanya, tidak menyalahi akta berhubung dengan ketenteraman, keselamatan, dan perkara-perkara yang berunsur lucah, dan akta penerbitan serta undang-undang lain yang dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam.

3 Mengadakan pameran dan jualan barang-barang kemas (*jewelleries*) semasa pameran adalah sama sekali tidak dibenarkan.

4 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dakwaan pelanggaran akta hak cipta.

5 Peserta digalakkan menjual bahan pameran dengan potongan harga sekurang-kurangnya 10% ke atas daripada harga asal.

6 Peserta hendaklah mempamerkan bahan pameran mereka sepanjang pesta buku. Peserta tidak dibenarkan membawa ke luar bahan pameran dan jualan sebelum tamat pesta buku.

7 Peserta dialu-alukan untuk menyumbangkan dan menaja satu acara aktiviti semasa pesta buku brunei diadakan.

8 Setiap buku dan bahan untuk dijual, hendaklah dibubuh tanda harga, manakala buku agama mestilah dibubuh cap pengesahan dari Pusat Da'wah Islamiah terlebih dahulu.

9 Penganjur dan pihak berkuasa Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas tidak bertanggungjawab terhadap perkara-perkara seperti kecederaan, kecurian, malapetaka, kerosakan, atau kehilangan bahan pameran dan jualan. Peserta dinasihatkan supaya menyediakan insurans yang sepertinya secara persendirian.

10 Penganjur dan pihak berkuasa Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian akibat kerosakan alat jentera, bekalan elektrik dan air, kebocoran air atau sebarang malapetaka atau atas perintah kerajaan yang boleh menyebabkan Pesta Buku Brunei ini ditutup sementara atau seterusnya.

11 Peserta bertanggungjawab membayar ganti rugi jumlah sepenuhnya kepada penganjur jika berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan dan pada ruang pameran serta kemudahan akibat daripada penyalahgunaan ruang oleh peserta, wakilnya atau ejennya, baik secara sengaja atau tidak.

12 Peserta bertanggungjawab menjaga kebersihan gerai dan kawasan sekitarnya, serta mengawal kebisingan dan gangguan yang berlebihan.

13 Resepsi, pelancaran buku, persidangan akhbar, tidak boleh diadakan dalam dewan pameran tanpa kebenaran daripada penganjur.

14 Peserta tidak dibenarkan merokok, minum, makan, dan membawa masuk makanan dan minuman ke dalam dewan pameran.

15 Penganjur berhak menamatkan hak peserta memperagakan bahan pameran sekiranya peserta didapati melanggar syarat dan peraturan penyertaan. Dalam hal ini, bayaran penyertaan peserta tersebut akan lupus dan peserta tidak berhak menuntut bayaran balik atau ganti rugi daripada penganjur, dan penganjur pula berhak menutup gerai mereka dengan serta-merta dan memindahkan barang mereka dari ruang dan kawasan pameran.

* Pembayaran penuh tidak lewat: **31 Januari 2012**
*Full payment not later than*: **31st January 2012**
* Bayaran hendaklah dijelaskan dalam nilai Dolar Brunei atau Singapura sahaja.
*Payment should be made in Brunei or Singapore Dollar only.*




# ڤرإيستيوا هجره سجاره أكوڠ

ماريله كيت منيڠكتكن كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن، دڠن ملاكوكن سڬل سوروهنڽ، دان منيڠڬلكن سڬل لاراڠنڽ. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ برتقوى دان برإيمان سرت سلامة ددنيا دان دأخرة.

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى يڠ تله مڠورنياكن نعمة إسلام دان نعمة إيمان كڤد كيت، سهيڠڬ دڠن ايت كيت داڤة مليهت اڤ٢ يڠ داتڠ درڤد رسول الله صلى الله عليه وسلم ايت سباڬي مأنسي يڠ ڤاليڠ أكوڠ دان هيبة انتوق دجنتوهي اوله سكلين مأنسي. مك تيدق حيرانله ڤد ستيڤ تاهون، بيلا تيباڽ بولن محرم كيت اكن تركنڠ كمبالي ڤرإيستيوا هجره رسول الله صلى الله عليه وسلم دري مكة المكرمة كمدينه المنورة.

ڤرإيستيوا هجره رسول الله صلى الله عليه وسلم مروڤاكن سجاره أكوڠ يڠ تله ممباوا ڤروباهن كڤد كهيدوڤن أومة إسلام ڤد كتيك ايت كڤد كهيدوڤن يڠ لبه برتمادون دان سمڤرنا.

رسول الله صلى الله عليه وسلم تله ممبوقتيكن ملالوي هجره أكوڠ بكندا دڠن منيڠڬلكن كوتا مكه منوجو ككوتا مدينه سمات٢ مماتوهي ڤرينته الله سبحانه وتعالى انتوق منڬقكن أكام إسلام. هجره بكندا تله ممباوا ڤروباهن يڠ بسر كڤد كبڠكيتن دان ڤركمباڠن أكام إسلام.

دڠن هجرهن بكندا، مك أومة إسلام دمدينه سماكين رامي، دان أخيرڽ منجادي أومة يڠ تڬوه دان برساتو ڤادو دري سڬي كإيمانن دان ڤرسودارأن. دان يڠ لبه كتارا لاڬي أكام إسلام سماكين ڤست دان بركمبڠ ماجو. الله سبحانه وتعالى برڤرمان دالم سورة البقرة أية ٢١٨: تفسيرڽ:

**سسڠڬوهڽ اورڠ٢ يڠ برإيمان دان اورڠ٢ يڠ برهجره سرت برجواڠ ڤد جالن الله، مريك ايتله يڠ مڠهارڤكن رحمة الله. دان الله ايت مها ڤڠمڤون لاڬي مها ڤڠاسيه.**

جك كيت إيمبس كمبالي سجاره ڤرجواڠن رسول الله صلى الله عليه وسلم دالم ڤرإيستيوا هجره، كيت ستنتوڽ ترهارو كران كيت منداڤتي ڤرجواڠن ترسبوت بوكن چالڠ٢ ڤرجواڠن دمان ڤرجواڠن ترسبوت دڤنوهي دڠن رينتاڠن دان چوبأن. أنتاراڽ قيصه اڤبيل ڤد سوات هاري اورڠ٢ كاڤر قريش تله ممبوات كڤوتوسن انتوق ممبونه رسول الله صلى الله عليه وسلم. لالو ڤد ساتو مالم مريك ڤون مڠڤوڠ رومه بكندا. ڤد مالم ايت بكندا منريما وحيو درڤد الله سبحانه وتعالى ممرينتهكنڽ انتوق برهجره. انتوق ممڤرداياكن مريك، بكندا تله ميوروه سيدنا علي بن أبو طالب تيدور دتمڤة ڤرادواننڽ. ستله ايت بكندا ڤون كلوار دري رومهڽ برسام سيدنا أبو بكر الصديق سچارا سيڤ٢ دان تروس منوجو كجبل ثور لالو برسمبوڽي دڬوا ترسبوت. كبرڠكتن مريك تيدق دكتهوي اوله ڤمودا٢ قريش.

ڤمودا٢ قريش يڠ تيدق مڽداري رسول الله صلى الله عليه وسلم تله كلوار رومه، مڠإنتاي٢ دان مڠينتيڤ دري چله٢ بيليق تيدور بكندا. مريك مراس يقين بهوا ايتله رسول الله صلى الله عليه وسلم. تتاڤي ألڠكه تركجوتن مريك اڤبيل مليهت سيدنا علي بن أبو طالب كلوار برديري ددڤن مريك دان بوكنڽ بكندا رسول الله صلى الله عليه وسلم. بتاڤ كسل دان مارهڽ ڤمودا٢ قريش اڤبيل رنچاڠن مريك تيدق برجاي.

لالو مريك تروس ڤرڬي منچاري بكندا دمراتا تمڤة نامون تتڤ جوك تيدق منداتڠكن اڤ٢ حاصل سهيڠڬله سمڤي كجبل ثور لالو مڠهمڤيري ڬوا ترسبوت. ڤراسأن چمس دان تاكوت تله مڽلوبوڠي سيدنا أبو بكر تتاڤي بكندا رسول الله صلى الله عليه وسلم مننڠكنڽ دان تيدق كمنتر دڠن مڠاتكن بهوا الله سبحانه وتعالى سنتياس برسام مريك بردوا.

سسوده ڤواس منچاري ڤمودا٢ قريش ايت ڤون برلالو ڤرڬي. انتارا مريك برتاڽ كڤد يڠ لاين كناڤ تيدق دڤريقسا كدالم ڬوا ايت. مريك منجواب بهوا دڤينتو ڬوا ايت ترداڤة سارڠ لابه٢ دمان سارڠ ترسبوت منناداكن تيدق اد اورڠ ددالمڽ، دان مريك ڤون تروس برلالو دري سيتو.

رسول الله صلى الله عليه وسلم دان سيدنا أبو بكر الصديق برسمبوڽي ددالم ڬوا ثور سلما تيڬ مالم. تيدق اد يڠ تاهو اكن كادأن دان تمڤة مريك برسمبوڽي سلاين درڤد ڤترا دان ڤتري سيدنا أبو بكر ڽإيت عبدالله، عائشه دان أسماء. مريك له يڠ مڠهنتر مكانن ستيڤ مالم دان مڠخبركن تنتڠ كادأن دكوتا. ڤد مالم يڠ كتيك رسول الله صلى الله عليه وسلم دان صحابتڽ سيدنا أبو بكر الصديق تله برڠكة منوجو كقباء لالو برمالم دسيتو سلما تيڬ اتو أمڤة هاري. كسمڤاتن يڠ سيڠكة ايت بكندا ڤرڬوناكن انتوق ممبينا سبواه مسجد يڠ دناماكن مسجد قباء. سلڤس ايت مريك منروسكن ڤرجالنن منوجو ككوتا مدينه. بكندا سمڤي دمدينه يڠ كتيك ايت برڬلر يثرب ڤد هاري جمعة. ڤد هاري ايتله دأداكن سمبهيڠ جمعة يڠ ڤرتام دالم سجاره إسلام دان رسول الله صلى الله عليه وسلم سنديري منجادي إمام دان خطيب دهداڤن قوم مهاجرين دان أنصار. مولإي ڤد هاري ايت جوك نام يثرب دتوكر منجادي مدينه.

بكيتوله چريتا دسباليق ڤرإيستيوا هجره ترسبوت. اوله ايت ڤڠحياتنڽ اداله سسوات يڠ دكهندقي دان دتنتوت دالم إسلام كران ددالمڽ اد إعتبار دان ڤڠاجران يڠ برمنڤعة.

والوڤون هجره رسول الله صلى الله عليه وسلم تيدق اكن برلاكو لاڬي دزمان اين، تتاڤي كونسيڤ دان ڤلسفه هجره تتڤ برتروسن دان تيدق اكن برأخر سهيڠڬ هاري قيامة، دمان كيت دتنتوت انتوق ملاكوكن هجره ڽإيت ممبوات ڤروباهن دري صڤة اتو ڤربواتن يڠ تيدق بايك كڤد يڠ بايك. مقصودڽ:

دري معاوية رضى الله عنه اي بركات: اكو تله مندڠر رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: هجره ايت تيدق اكن ترهنتي سهيڠڬله ترتوتوڤڽ ڤلواڠ توبة دان ڤلواڠ توبة ايت تيدق اكن ترتوتوڤ سهيڠڬله متهاري تربيت دري تمڤة تربنمڽ. { رواه الإمام أبو داؤد }.

ڤركارا اين ڤرنه دتيتهكن اوله كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادك سري بكندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام سمڤنا مڽمبوت تاهون بارو هجره ١٤٣٢، أنتارا ڤتيكنڽ: " هجره توروت ممباوا ڤروباهن، سدڠ ڤروباهن ڤول تياد ڤڠهوجوڠڽ. هاري اين كيت بروبه، دان إيسوق جوك ماسيه ماهو بروبه. بهكن سمڤي بيلا٢ ڤون، كيت تتڤ إيڠين بروبه. اينله دي نالوري ترهادڤ ڤروباهن ايت. ڤينديقڽ، ڤروباهن اداله دايا تاريقن يڠ لوار بياس. نامون كيت اورڠ٢ إسلام، بوكنله ستاكة إيڠين بروبه، تتاڤي ڤروباهن ايت هندقله كڤد " يڠ لبه بايك ". اينله داسر يڠ كيت ڤاكي. بوكن أصل بروبه سمات٢، تتاڤي ڤروباهن ايت ڤرلوله برمتلامتكن كڤد يڠ لبه بايك. أكام إسلام ميمڠ مندوروڠ كڤد ڤروباهن. اي تيدق ماهو كيت منوڠڬو ڤروباهن، تتاڤي مڠڬالقكن انتوق برلومبا مربوت ڤروباهن".

دري تيته ترسبوت جلس منونجوقكن كڤد كيت بهوا حسرة بكندا يڠ مڠإيڠينكن مشاركة دنڬارا اين اڬر برهجره منجادي رعية يڠ بنر٢ بروبه كأره يڠ لبه بايك درڤد سبلومڽ.

مك برسمڤنا كيت مراعيكن أول تاهون هجره اين ماريله كيت برتكد دان برعزم دالم برأوسها انتوق مرياليساسيكن حسرة بكندا ايت يڠ مڠاجق كيت كأره ڤروباهن يڠ ڤوسيتيڤ بوكن سهاج دماس اكن داتڠ بهكن سمڤي بيلا٢ انتوق منجادي إنسان يڠ تربايك دان بركواليتي. اوله ايت حياتيله ڤڠاجران٢ يڠ دڤرأوليهي درڤد ڤرإيستيوا هجره ايت دمي انتوق منداڤتكن كبهڬيأن دان كجيأن هيدوڤ ددنيا دان دأخرة.

الحمدلله، نڬارا كيت بروني دارالسلام سنتياس ممڤرإيڠاتي كتيبأن أول تاهون هجره دڠن مڠاداكن ڤلباڬي مجلس كأڬمأن سڤرت چرامه٢، شرحن٢، ڤورم٢ دان ڤربينچڠن٢ سرت أكتيبيتي٢ يڠ منجوروس كأره ڤڠحياتن هجره سڤرت رياضه هجره يڠ داداكن دسلوروه نڬارا. اين منونجوقكن بتاڤ كيت بنر٢ مڠحياتي دان مڠمبيل إعتبار دان ڤڠاجرن درڤد ڤرإيستيوا هجره رسول الله صلى الله عليه وسلم يڠ أكوڠ. تتاڤي اداله تيدق ممادإي دڠن هاڽ مڠاداكن مجلس انتوق ممڤرإيڠاتي هجره جك تيدق اد كسدارن انتوق منيڠكتكن كتقوأن دان كطاعتن كڤد الله سبحانه وتعالى. مك اينله ڤلواڠ كيت سموا انتوق بروبه دان محاسبه ديري كأره ممڤرتيڠكتكن عمالن، كإيمانن دان كتقوأن سمات٢ مڠهارڤكن كريضأن الله سبحانه وتعالى.

سباڬي تندا كشكورن كڤد الله سبحانه وتعالى سام٢له كيت حاضير كمسجد٢، سوراو٢ دان بالي٢ عبادة دسلوروه نڬارا اين ڤد ڤتڠ هاري سبت مالم أحد ٢٦ نوييمبر ٢٠١١ باڬي سام٢ ممباچ دعاء أخر تاهون ١٤٣٢ هجره دان ممباچ دعاء اول تاهون ١٤٣٣ هجره دڠن هارڤن مدهمداهن دأمڤونكن سڬل دوسا كيت دان سموك كيت سموا اكن منداڤة ڤتنجوق دان رحمة الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين. تفسيرڽ:

**دان اورڠ٢ يڠ تردهولو لاڬي يڠ ڤرتام٢ ماسوق إسلام دأنتارا اورڠ٢ مهاجرين دان أنصار دان اورڠ٢ يڠ مڠيكوتي مريك دڠن بايك، الله ريضاء كڤد مريك دان مريك ڤون ريضاء كڤد الله. الله مڽدياكن باڬي مريك شرڬ٢ يڠ مڠالير دباوهڽ سوڠي٢. مريك ككل ددالمڽ سلما٢ڽ. ايتله كمناڠن يڠ أكوڠ.** { سورة التوبة: ١٠٠ }

سسڠڬوهڽ اورڠ٢ يڠ برإيمان دان اورڠ٢ يڠ برهجره سرت برجواڠ ڤد جالن الله، مريك ايتله يڠ مڠهارڤكن رحمة الله. دان الله ايت مها ڤڠمڤون لاڬي مها ڤڠاسيه.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menyertai acara senam 'Tai Chi'. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

# Pengorbanan warga emas dihargai

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

**JERUDONG.** - Negara Brunei Darussalam setiap tahun memperingati Hari Warga Emas yang jatuh setiap 1 Oktober di seluruh dunia dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program.

Sambutan di negara ini, bagi Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Temburong diadakan di Jerudong Park Playground pada 20 November 2011 dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Aktiviti jasmani bermula dengan acara senam 'Tai Chi', diikuti dengan Pertandingan 'Explorace Kitani' anjuran Tabung Amanah Pekerja (TAP) selain pelbagai aktiviti sampingan yang disediakan dan dikendalikan oleh pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Sukarelawan Projek Memeduli Warga Emas.

Sambutan anjuran kerjasama antara TAP dan JAPEM ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada sumbangan, jasa bakti golongan warga emas terhadap negara, masyarakat dan juga keluarga mereka.

Sumbangan mereka terhadap pembangunan negara tidak dinafikan sangat penting dan berharga maka melalui sambutan seumpama ini kita dapat melahirkan rasa syukur dan terima kasih di atas pengorbanan dan sumbangan bakti mereka.

Sambutan tahun ini bertemakan 'Meniti Usia Secara Sihat' bagi menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat sejak dari umur muda lagi agar apabila mencapai umur tua masih berkeadaan sihat fizikal dan mental.

# Hajah Punggut dan pasangan johan 'Explorace Kitani'

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

**JERUDONG.** - Dayang Hajah Punggut binti Haji Said dan pasangan muncul johan Pertandingan 'Explorace Kitani', diadakan di Jerudong Park Playground pada 20 November 2011

Tempat kedua dimenangi oleh Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Metassan dan pasangan sementara Awang Haji Md. Zain bin Mohammad dan pasangan memenangi tempat ketiga.

Pertandingan sempena Sambutan Hari Warga Emas 2011 Bagi Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong itu dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Tabung Amanah Pekerja (TAP).

'Explorace Kitani' merupakan pertandingan secara berkumpulan yang mana setiap kumpulan terdiri dari dua peserta iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan yang mempunyai hubungan kekeluargaan.

Pertandingan seumpamanya bertujuan untuk meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai perkhidmatan yang ada di TAP, mengenai Caruman Sukarela serta meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat, di samping bagi meraikan dan membuatkan mereka rasa gembira dan dihargai.

Melalui aktiviti itu juga TAP berharap akan dapat mengekalkan masyarakat yang sejahtera, pemedulian, penyayang dan menanam rasa cinta, kasih dan hormat terhadap warga emas.

Pertandingan dianjurkan oleh TAP dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah melepaskan Pertandingan 'Explorace Kitani'. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

## Pasukan Superia 'C' juara Kejohanan Futsal

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Pasukan Superia 'C' dari Suruhanjaya Perhidmatan Awam (SPA) menjuarai Kejohanan Futsal Antara Bahagian di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan SPA berlangsung di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya, Berakas pada 20 November 2011.

Tempat kedua dimenangi oleh HP FC dari JPA dan Superia 'A' dari SPA di tempat ketiga.

Juara membawa pulang piala pusingan sumbangan mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Hassan.

Sebanyak enam pasukan menyertai kejohanan tersebut terdiri dari pasukan JPA 'A', HP FC dan Bee-Keepers dari JPA, sementara pasukan Superia 'A', Superia 'B' dan Superia 'C' dari SPA.

Kejohanan tersebut diadakan sebagai salah satu aktiviti riadah bagi JPA di samping mengeratkan lagi silaturahim antara pegawai dan kakitangan JPA dan SPA.

# Hari Terbuka TDDB penghargaan atas sokongan masyarakat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**TUTONG.** - Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Kementerian Pertahanan mengadakan Hari Terbuka Sempena Jubli Emas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang jatuh pada 4 November lalu berlangsung di Padang Kompleks, Dewan Kemasyarakatan, pada 20 November 2011.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan Hari Terbuka tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhd. Suffian bin Haji Bungsu.

Sebanyak lima buah petak yang menyediakan pelbagai mainan dan aktiviti mengenai ABDB seperti pameran-pameran statik keupayaan TDDB dan ABDB, permainan *funfair, joyride* menggunakan kenderaan tentera, dan acara menembak.

Aktiviti Hari Terbuka serentak diadakan di ketiga-tiga daerah iaitu Daerah Temburong di Taman Perayaan dan Padang Kemasyarakatan Daerah Temburong, Daerah Tutong di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dan Daerah Belait di kawasan OGDC Seria, Daerah Belait.

Manakala di Daerah Brunei dan Muara pula acara serupa diadakan pada 31 Mei 2011.

Antara tujuan utama Hari Terbuka tersebut adalah bagi menghargai dan menyampaikan terima kasih atas kerjasama dan sokongan yang padu dari agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam serta bagi mantan-mantan anggota ABDB khususnya TDDB, di samping untuk menghargai para ibu bapa, suami, isteri, anak serta keluarga yang telah memberikan sokongan dan pengorbanan kepada anggota keluarga mereka yang berkhidmat di ABDB.



PENOLONG Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzli bin Haji Yusof melawat ke pameran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

# Aktiviti Hari Terbuka TDDB dapat sambutan menggalakkan

Berita dan Foto : Nurhidayah Haji Kamis

**TEMBURONG.** - Bersempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), pelbagai aktiviti diadakan pada Hari Terbuka yang berlangsung di Taman Perayaan dan Padang Kemasyarakatan Daerah Temburong Pada 20 November 2011.

Hari Terbuka TDDB dirasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzli bin Haji Yusof selaku tetamu kehormat.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, juga selaku Ketua Kampung Belingos

Antara aktiviti yang diadakan ialah pameran-pameran statik keupayaan TDDB dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) termasuk pameran dari agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sementara itu, permainan *funfair, joyride* menggunakan kenderaan tentera, *flying fox* dan acara menembak yang turut diadakan mendapat sambutan sangat menggalakkan dari orang ramai.

Acara itu bertujuan bagi menghargai dan mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sokongan yang padu daripada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam serta bagi mantan-mantan anggota ABDB khususnya TDDB.

Di samping itu, ia juga bagi menghargai para ibu bapa serta keluarga yang telah lama berkhidmat di ABDB.

# Awang Aji bin Haji Rajab muncul juara Kejohanan Dart Terbuka

**TEMBURONG**. - Awang Aji bin Haji Rajab muncul juara dalam Kejohanan Dart Terbuka bagi Kategori Perseorangan yang diadakan di Dewan Haji Roni Kampung Selangan, Mukim Amoa pada 20 November 2011.

Naib juara disandang oleh Awang Kamis bin Kassim, manakala Awang Rajali bin Jumat di tempat ketiga.

Sementara itu, dalam Kategori Bergu dimenangi oleh pasangan Awang Aji

**Berita dan Foto :**
**Nurhidayah Haji Kamis**

bin Haji Rejab dan Awang Jamil bin Budin, tempat kedua dimenangi oleh pasangan Awang Ibrahim bin Samat dan Awang Matamit bin Samat, manakala Awang Metussin bin Haji Judin serta pasangannya Awang Rosli bin Haji Abdul Rahmin mendapat tempat ketiga.

Hadiah-hadiah kepada pemenang bagi Kategori Perseorangan disampaikan oleh tetamu kehormat iaitu Penasihat Majlis Perundingan Kampung (MPK) Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Haji Yusoff bin Haji Ahad, sementara Kategori Bergu disampaikan oleh Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Bahrun bin Haji Talib.

Kejohanan Dart Terbuka selama tiga hari itu dianjurkan oleh Bahagian Pelancongan, Taman Rekreasi MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah yang mana seramai 18 orang menyertai dalam Kategori Perseorangan dan tujuh kumpulan pula mengambil bahagian dalam Kategori Bergu.

Selain mengasah bakat para peserta pertandingan dart, kejohanan seumpamanya juga merupakan salah satu aktiviti riadah yang biasa dianjurkan oleh MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah, di samping sebagai landasan bagi para peserta untuk memperlihatkan bakat masingmasing dapat permainan dart.



**PENASIHAT** Majlis Perundingan Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Haji Yusoff bin Haji Ahad menyampaikan trofi kemenangan kepada Awang Aji bin Haji Rajab yang muncul johan dalam Kejohanan Dart Terbuka bagi Kategori perseorangan.

# Zon I 'A' muncul juara bola sepak menewaskan Zon II 'A'

***PESTA sukan dwitahunan selamasembilan hari yang berakhir 27 November 2011 merupakan salah satu Projek Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang dikendalikan oleh Bahagian Sukan dan Permainan.***

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 November. - Pasukan Bola Sepak Zon I 'A' muncul johan menewaskan pasukan Zon II 'A' dengan keputusan 4-3 di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Pada perlawanan akhir bagi Kategori 'B' itu, juara Zon I 'A' yang disertai gabungan pemain Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) dan Sekolah Sukan berjaya menyumbangkan empat gol, melalui Awang Md. Zulkhairi bin Razali dua gol yang juga dipilih sebagai pemain terbaik serta Awang Md. Asri bin Haji Aspar dan Awang Md. Hanif@Ali bin Amir.

Manakala, pasukan dari Zon III 'B' hanya mampu menduduki tempat ketiga dan Awang Abu Fayadh Fadlullah bin Abu Kassim dari Sekolah Menengah (SM) Sayyidina Hussain dinobatkan sebagai penjaring terbaik dengan enam jaringan.

Sementara bagi Kategori 'C' (16, 17 dan 18 tahun ke bawah) pula, pasukan Zon dari III 'A' merangkul juara selepas menundukkan pasukan lawan zon I 'A' dengan jaringan 2-0.

Pasukan yang diwakili oleh SM Masin, SM Sayyidina Hasan, SM Sayyidina Hussain dan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) itu berhasil menjaringkan gol ke gawang lawan menerusi tendangan Awang Md. Zainol bin Arifin dan Awang Md. Amirul bin Abd. Rashid.

**Oleh :**
**Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

Pasukan dari Zon I 'B' pula hanya mampu meraih di tempat ketiga.

Pemain terbaik dalam kategori berkenaan disandang oleh Awang Hafiz bin Panjang dari pasukan Zon III 'A' dan Abang Fakri bin Abang Judin dari Sekolah Menengah Tanjung Maya pula dipilih sebagai penjaring terbanyak.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

Pesta sukan dwitahunan selama sembilan hari yang berakhir 27 November 2011 merupakan salah satu Projek Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang dikendalikan oleh Bahagian Sukan dan Permainan.

# Pasukan Zon III 'B' muncul juara futsal bagi Kategori 'B'

**BERAKAS**, Khamis, 24 November. - Kehebatan Pasukan Zon III 'B' nyata terbukti apabila mampu menewaskan Pasukan Zon II 'A' dengan jaringan 2-1 sekali gus merangkul juara Kategori 'B' bagi acara Futsal dalam Pesta Sukan Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Negara Brunei Darussalam Ke-5, Tahun 2011.

Manakala Pasukan I 'B'

**Oleh :**
**Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

hanya mampu menduduki di tempat ketiga setelah menewaskan Zon II 'A' bagi Kategori 15 Tahun ke bawah itu.

Pada pertandingan dalam Kategori 'B' itu juga Awang Mohd. Firdaus dari Zon III 'B' dipilih sebagai pemain terbaik dan Awang Md. Aziz bin Jefry pula dinobatkan sebagai penjaring terbanyak dengan tiga jaringan.

Perlawanan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas itu juga menyaksikan Kategori 'C' yang dijuarai oleh pasukan Zon I 'A'.

Juara bagi Kategori 18 Tahun ke bawah itu berjaya menumpaskan pihak lawan, Pasukan Satu 'B' dengan jaringan 3-1.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Zon II 'A' dengan kelebihan jaringan penalti 3-2 setelah terikat sama 1-1 ke atas Pasukan Zon IV.

Pemain terbaik bagi kategori itu juga memilih Awang Md. Zulazmi dari Zon I 'A', manakala Awang Md. Aiman dari Zon III 'A' dipilih sebagai penjaring terbanyak dengan menghasilkan dua jaringan.

Upacara penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Pengiran Shahminan bin Pengiran Haji Mohd. Salleh.

Jumlah kutipan pingat pada hari keenam Pesta Sukan berlangsung setakat menyaksikan Zon I masih di tangga teratas dengan mengutip 26 pingat emas diikuti dengan sebelas emas dari Zon IV dan Zon III dan II pula, masing-masing menduduki di tempat ketiga dan keempat.



**PENGARAH** Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Pengiran Shahminan bin Pengiran Haji Mohd. Salleh menyampaikan trofi kemenangan kepada pemenang bagi Kumpulan 'C' dalam Zon 1 'A'. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

# CI Zon I meraih juara perlawanan bola jaring

**BANDAR SRI BEGAWAN,** Rabu, 23 November. - Pasukan CI Zon I meraih juara selepas menundukkan pasukan CI Zon II pada perlawanan akhir Kejohanan Bola Jaring Kategori 'C' Pesta Sukan Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Negara Brunei Darussalam Ke-5 di Dewan Serbaguna Kom-

**Oleh :**
**Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

pleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Dalam pertarungan sengit itu, CI Zon I mengatasi pasukan CI Zon II dengan kedudukan 38-20.

Tempat ketiga pula diraih pasukan CII Zon III selepas menumpaskan pasukan CII Zon IV dengan 10-6.

Hadiah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin.



**PEMANGKU** Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin sejurus selepas menyampaikan trofi kemenangan kepada pemenang bagi Kumpulan 'C' dalam perlawanan akhir Kejohanan Bola Jaring Kategori 'C' Pesta Sukan Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Negara Brunei Darussalam Ke-5.

# Syukuri rahmat Allah ke atas Bumi Brunei

Dari muka 1

"Tetapi apabila ia datang, tidak siapa pun yang dapat mengelaknya. Semaju atau sekuat mana pun orang tidak akan mampu untuk menolak ketentuan Allah. Bencanakah, atau wabakkah, atau krisis-krisis dalam negara adalah semua itu dari ketentuan Allah jua," titah baginda sempena Menyambut Tahun Baru Hijriah 1433 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Sesuatu perkara itu titah baginda seterusnya, berlaku dengan sebab-sebabnya termasuklah segala fenomena kejadian di muka bumi ini, ia tidak berlaku dengan sendirinya sebagaimana yang disangkakan oleh setengah pihak.

"Ia berlaku dengan kehendak Allah jua, supaya timbul rasa insaf di hati manusia dan dengan segera akan bertaubat kepada-Nya. Inilah hikmah di sebalik kejadian-kejadian pahit tersebut.

Kalau kita mahu untuk mengambil pengajaran daripadanya, nescaya ada harapan untuk kita akan selamat daripada sebarang mala petaka, berdasarkan Allah itu sangatlah menyayangi para hamba-Nya yang taat dan membenci mereka yang derhaka," titah baginda melahirkan kepercayaan.

Baginda menambah titah, di bumi bertuah, Negara Brunei Darussalam ini telah pun menjadi kenyataan yang mana dengan kurnia Allah jua rakyat dan penduduk di dalamnya telah dan sedang menikmati keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berpanjangan yang tidak dinikmati oleh orang lain.

Melihat akan keadaan ini baginda menyeru semua rakyat dan penduduk di negara ini supaya sama-sama merafakkan syukur dan pujian yang sebanyak-banyaknya kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya yang tidak putus-putus.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah sempena Menyambut Awal Tahun Baru Hijriah 1433. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

# Perundangan Kesihatan Mental diteliti

Dari muka 1

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan memang mengambil perhatian yang serius mengenai penjagaan kesihatan mental di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan dengan berpandukan kepada dokumentasi sokongan Strategi Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai kesihatan mental jelas Yang Berhormat telah mula mengambil tindakan yang lebih fokus secara berperingkat meliputi pendekatan yang terbukti berkesan seperti Advokasi iaitu menyebarluaskan maklumat dan pengetahuan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan orang awam serta peningkatan penyediaan perkhidmatan dan penilaian peringkat kebangsaan dan setempat di samping mempromosikan kesihatan mental.

Selain itu tambah Yang Berhormat, tindakan juga meliputi penelitian dasar dan perundangan mengenai kesihatan mental bagi memperkesankan lagi program-program dan perkhidmatan kesihatan serta melindungi golongan mereka yang menghadapi gangguan dan penyakit mental serta memantapkan pembangunan kapasiti dan menggalakkan budaya penyelidikan mengenai kesihatan mental.

Di samping memastikan penyediaan perkhidmatan rawatan dan pemulihan jelas Yang Berhormat, satu aspek lain yang diberi keutamaan ialah mengenai advokasi khususnya dalam memberikan maklumat dan meningkatkan kesedaran orang awam serta pelbagai pihak yang berkepentingan mengenai isu kesihatan mental di negara ini.

"Kita tidak mahu adanya stigma atau diskriminasi terhadap mereka ini, bahkan sewajarnya mereka ini sentiasa didukung dan dibantu bukan sahaja untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan bahkan bagi menikmati kemudahan-kemudahan yang selayaknya. Kita seharusnya jangan bersikap memandang rendah dan mensisihkan mereka kerana mereka adalah sebahagian dari masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

Menyedari akan sebahagian besar daripada punca yang boleh menyebabkan gangguan mental seperti tekanan mental atau stress dapat dielakkan, Yang Berhormat menyeru supaya usaha program kempen atau bengkel/taklimat di seluruh negara yang memberi fokus kepada pengurusan tekanan mental atau stress akan terus dimantapkan.

Menyentuh mengenai kejayaan program kesihatan mental di sesebuah negara, Yang Berhormat penuh percaya ianya bergantung kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia termasuk profesional kesihatan yang mana setakat ini, Negara Brunei Darussalam mempunyai beberapa orang pakar psikiatri termasuk pakar tempatan, doktor-doktor perubatan serta para jururawat tempatan yang dilatih khas dalam bidang psikiatri dan kesihatan mental.

Kementerian Kesihatan bagi rancangan jangka sederhana dan panjangnya jelas Yang Berhormat akan memantapkan lagi pembangunan kapasiti termasuk kepakaran dalam jurusan kesihatan mental bagi memperkesankan lagi langkah-langkah rawatan, pemulihan, pengawalan dan pencegahan isu kesihatan mental.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyarankan pihak perkhidmatan psikiatri di Kementerian Kesihatan supaya akan dapat memperkemaskan sistem maklumat mengenai kesihatan mental di negara ini yang meliputi bukan sahaja maklumat mengenai perkhidmatan penjagaan kesihatan mental dan penggunaannya malahan turut membuat kajian dan analisis mengenai keperluan perkhidmatan ini.

Hasil usaha ini, jelas Yang Berhormat adalah penting bagi kegunaan perancangan sistem dan perkhidmatan masa akan datang dan juga bagi penilaian keberkesanan dasar dan program yang dilaksanakan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berucap dalam Majlis Forum Hari Kesihatan Mental Sedunia 2011 di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepoint Gadong. - Foto : Ihsan Perhubungan Awam Kementerian Kesihatan.

# Konvensyen Pendidikan Islam 30 November ini

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 26 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam buat julung kalinya akan menganjurkan Konvensyen Pendidikan Islam bermula pada 30 November hingga 1 Disember 2011 depan.

Perkara tersebut diumumkan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid selaku Timbalan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Konvensyen dalam Sidang Media mengenai konvensyen berkenaan berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah.

Menurutnya, konvensyen dua hari itu merupakan wadah dalam meningkatkan pengetahuan dan mencambah minda dalam usaha untuk sama-sama memperkasa pendidikan Islam di rantau ini yang akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dalam persidangan itu nanti katanya, pakar-pakar yang mempunyai pengalaman luas dalam pendidikan Islam sama ada di dalam dan luar negara akan membentangkan tujuh buah kertas kerja berkaitan 'Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir'.

Sementara itu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar tambahnya, akan membentangkan kertas perdana yang berkaitan dengan tema sambutan konvensyen berkenaan.

Awang Haji Harun menambah, konvensyen tersebut juga bertujuan untuk mempertemukan warga pendidik dan ilmuwan pendidikan dalam satu sidang perkembangan ilmu untuk saling bertukar idea dan ilmu yang berkaitan dengan aspek-aspek perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Selain itu, konvensyen juga jelasnya, bertujuan bagi berkongsi maklumat dan pengalaman tentang sistem dan pelaksanaan pendidikan Islam di negara masing-masing yang menyertai pembentangan itu, di samping menghasilkan satu resolusi pendidikan yang dihasratkan dan akan dapat melonjakkan pendidikan Islam pada peringkat antarabangsa.

Sepanjang konvensyen katanya, juga akan diadakan sesi forum bertajuk 'Pembentukan Masyarakat Yang Berkualiti dan Cemerlang Melalui Pendidikan Islam' yang akan dibincangkan oleh empat ahli panel dari dalam dan luar negara.

Sementara Pameran Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir juga akan menyemarakkan konvensyen itu yang disertai oleh jabatan dan institusi yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pengendalian Pendidikan Islam di negara ini secara formal dan tidak formal.

Menurutnya seramai 600 peserta dalam negara dan 12 peserta dari negara-negara anggota Majlis Agama Brunei Indonesia Malaysia Singapura (MABIMS) akan menyertai konvensyen ini yang majoritinya terdiri daripada pegawai-pegawai dan tenaga pengajar di Institusi Pendidikan Ugama dan beberapa kementerian dan jabatan yang berkaitan dengan bidang pendidikan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid selaku Timbalan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Konvensyen Pendidikan Islam memperjelaskan mengenai Konvensyen berkenaan pada Sidang Media. - Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah.

DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH
UNTUK ANAK-ANAK YATIM TAHUN 2011-2012

Hulurkan Sumbangan awda melalui SMS bagi sama-sama membantu anak-anak yatim untuk mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan bagi menjadikan mereka warganegara yang berguna.

TAIP DANA20 DAN HANTAR KE 38111

Layari B.World portal untuk derma atau SMS DANA1, DANA5, DANA10, DANA15 atau DANA20 ke 38111

دتربيتکن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن کراجاءن، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.